Matan Ummu al-Barahin

Dan Pengenalan Ahli Sunnah dan Jamaah

Dr. Abdullaah Jalil

WISDOM
PUBLICATION



Matan Ummu al-Barahin

Dan Pengenalan
Ahli Sunnah
dan Jamaah



Matan Ummu al-Barahin

Dan Pengenalan Ahli Sunnah dan Jamaah

DR. ABDULLAAH JALIL

WISDOM
PUBLICATION

Diterbitkan oleh:
WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
Reka Bentuk: Public Domain/Freepik

Hak Cipta Terpelihara © 2022 Wisdom Publication

Cetakan: 10 Julai 2022 (10 Zulhijjah 1443H)

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (Muḥammad:19):

﴿فَٱعۡلَمۡ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّهُ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لِذَنۢبِكَ وَلِلۡمُؤۡمِنِينَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مُتَقَلَّبَكُمۡ وَمَثۡوَىٰكُمۡ ١٩﴾

“Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu [wahai Nabi Muhammad ﷺ] bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadaNya bagi salah silap yang engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan [ingatlah], Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu [di dunia] dan keadaan penetapan kamu [di akhirat].”

DEDIKASI

Buat seluruh ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah al-Ashāʿirah dan al-Māturīdiyyah,

Buat ayahanda dan bonda:
Hj. Jalil Omar and Hapisah Ismail,

Kepada isteri yang dikasihi:
Suraiya Osman,

serta anak-anak yang tercinta:
Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyyah, Sara al-Ameena,
Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib,

dan seluruh ahli keluarga,

serta semua umat Islam.

PRAKATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah ﷻ, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani, Tuhan pencipta, pemilik dan pentadbir seluruh alam. Selawat dan salam dipanjatkan buat junjungan tercinta, Sayyidina Muhammad ﷺ dan ahli keluarga Baginda ﷺ serta para sahabat Baginda ﷺ, serta buat orang-orang yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

Ammā baʿd:

Pihak penerbit memanjatkan kepujian dan menzahirkan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas nikmat dan taufik-Nya untuk kami menerbitkan buah tangan kedua Dr. Abdullaah Jalil di dalam bidang akidah selepas kitab pertama beliau bertajuk: “Aqīdah Murshidah Dan Beberapa Muqaddimah Aqīdah.” Kitab ini merupakan terjemahan bagi matan akidah Ahli Sunnah dan Jama’ah yang sangat terkenal iaitu Matan Ummu al-Barāhīn atau al-ʿAqīdah al-Sughrā oleh al-Imām Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsi (w.895H). Matan ini telah tersebar luas dari bumi Maghribi ke seluruh negara Islam sehingga ke hari ini. Bahkan, matan ini mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas pengajian dan penulisan ilmu akidah ASWJ di dalam dunia melayu dan nusantara. Semoga Allah ﷻ memanfaatkan karya terjemahan ini sepertimana matan asalnya agar akidah Ahli Sunnah dan Jama’ah terus subur dan menjadi teras pegangan umat Islam seluruh dunia. Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah menjanjikan bahawa umat Baginda ﷺ ini tidak akan sekali-kali bersepakat di dalam kesesatan. Selamat membaca!.

WISDOM PUBLICATION

PRAKATA PENULIS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Luas Rahmat-Nya lagi Maha Mengkhususkan Rahmat-Nya bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Segala pujian hanyalah bagi Allah, Tuhan yang menciptakan, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam kami panjatkan kepada Baginda Nabi Muhammad ﷺ, penghulu para rasul عليهم السلام, ahli keluarga, para sahabat Baginda ﷺ dan orang-orang beriman yang mengikut Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

Ammā baʿd:

Penulis melahirkan kesyukuran dan pujian kepada Allah ﷻ di atas taufik-Nya buat penulis untuk menyiapkan terjemahan bagi matan Ummu al-Barāhīn yang merupakan salah satu karya paling penting dan asas di dalam disiplin ilmu akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah. Pada pandangan penulis, kitab-kitab Imam al-Sanūsī adalah penulisan paling sistematik dan tersusun bagi disiplin ilmu akidah dan kitab-kitab Imam al-Ghazālī pula adalah penulisan paling sistematik dan tersusun bagi disiplin ilmu tasawwuf. Membina asas pengajian akidah dan tasawuf melalui kedua-dua tokoh ini memberikan dasar yang kukuh dan selamat bagi seorang penuntut ilmu untuk meneroka perbahasan yang lebih lanjut. Semoga Allah ﷻ menerima buku ini sebagai khidmat penulis kepada manhaj Ahli Sunnah dan Jama'ah yang merupakan tunggak kepada kefahaman dan pengamalan agama. Akidah yang sahih menepati akidah Rasulullah ﷺ, para sahabat رضي الله عنهم dan para ulama' muktabar adalah sebab utama bagi keselamatan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Semoga Allah ﷻ memelihara akidah kita semua.

Dr. Abdullaah Jalil

PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI

ء	’
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ

ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
ة	h
و	w
ي	y

دَ	da
دُ	du
دِي	dī
اَلتَّقِيُّ	al-Taqī

دِ	di
دَا	dā
دُو	dū
تَقِيُّ الدِّينِ	Taqiyy al-Dīn

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT i

PRAKATA PENULIS ii

PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI iii

ISI KANDUNGAN iv

MUQADDIMAH 1

PENGENALAN ASAS AHLI SUNNAH DAN JAMA'AH 3

Pendahuluan 3

Definisi "Ahli Sunnah dan Jama'ah" dari Secara Umum 3

"Ahl" 3

"Al-Sunnah" 4

"Al-Jamāʿah" 6

Rumusan Definisi Umum Ahli Sunnah dan Jama'ah 8

Definisi Khusus Ahli Sunnah dan Jama'ah 10

Dari Sudut Masa 10

Dari Sudut Manhaj Akidah 11

Dari Sudut Madrasah Akidah 12

Dari Sudut Mazhab Fiqh (Masakini) 12

Dari Sudut Peranan dan Tugas 13

Ciri Umum Ahli Sunnah dan Jama'ah 14

Al-Ashāʿirah dan al-Māturidiyyah adalah Tokoh-tokoh Utama Akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah 16

Al-Imam Shaykh al-Islam Shihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami (w.974H) 16

Al-'Allamah Shahid al-Mihrab Prof. Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti (1347H/1929M - 1434H/2013M) 17

Al-Shaykh Dr. Nuh 'Ali Salman al-Qudah (1939M – 2010M) 18

Al-Shaykh Prof. Dr. Muhammad Hasan Hitou: Ulama' Empat Mazhab adalah Al-Asha'irah dan Al-Maturiddiyah 19

Pusat Fatwa Jordan: Tokoh Utama Ulama' Al-Ashairah al-Maturidiyyah 21

Tokoh-tokoh Utama Ulama' Al-Ashāʿirah 22
Imam [al-Mujaddid] al-Bāqillāni (w.403H) 22
Imam Ibnu Fūrak (w.406H) 22
Imam al-Ḥaramayn Abū al-Maʿālī al-Juwaynī (w.478H)..... 23
Imam [al-Mujaddid] Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H)..... 23
Imam [al-Mujaddid] Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H)..... 23
Tokoh Ulama' Al-Ashā'irah adalah Para Mujaddid Sepanjang Kurun 24
Manhaj ASWJ di Tanah Melayu 30
Wasiat Syeikh Abdullah Fahim bin Syeikh Ibrahim (1869M – 1961M)..... 31
Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha – Ketua Pengarah JAKIM (2013) 32
Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016) 33

AL-IMĀM AL-MUJTAHID AL-MUJADDID MUḤAMMAD BIN YŪSUF AL-SANŪSĪ AL-MĀLIKĪ AL-ASHʿARĪ 35

Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (w.895H)..... 35
Para Guru 35
Para Murid 36
Kitab Karangan 37
Petikan Kata-kata..... 39
Kewafatan..... 40

KEDUDUKAN MATAN UMMU AL-BARĀHĪN 41

Manhaj Penulisan Kitab Akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah 41
Manhaj Pengajaran dan Kitab-kitab Akidah di sisi Ahli Sunnah dan Jama'ah Al-Ashāʿirah 42
Peringkat Permulaan dan Asas 42
Peringkat Pertengahan 43
Peringkat Kepakaran dan Tinggi..... 43

MATAN UMMU AL-BARĀHĪN..... 45

Peringkat Penulisan Ilmu 45

Definisi Matan (*Matn*)..... 45
Bahasa..... 45
Istilah..... 46
Jenis-jenis Matan Ilmu..... 47
Dari Sudut Bentuk..... 47
Dari Sudut Skop dan Topik..... 48
Kepentingan Hafalan Matan Bagi Pembentukan Penguasaan Ilmu 48
Matan Ummu al-Barāhīn: Matan Yang Muktabar..... 50
Syarahan Para Ulama'..... 51
Kerangka Matan Ummu al-Barāhīn 52
MATAN UMMU AL-BARĀHĪN..... 54
1. Hukum Akal (ʿ*Aqlī*)..... 54
1.1 Wajib..... 54
1.2 Mustahil..... 55
1.3 Harus 55
2. Hukum Syariat: Kewajipan Seorang Mukallaf Berkenaan Hak Allah dan Hak Para Rasul عليهم السلام..... 55
3. Dua Puluh Sifat Yang Wajib bagi Allah 56
3.1 Sifat Nafsiyyah..... 57
3.2 Sifat *Salbiyyah*..... 58
3.3 Sifat *Maʿānī* dan *Taʿalluq*nya 58
3.3.1 *Taʿalluq* Sifat Qudrat dan Iradat 58
3.3.2 *Taʿalluq* Sifat Ilmu..... 58
3.3.3 Sifat *Hayah* Tidak Mempunyai *Taʿalluq* 59
3.3.4 *Taʿalluq* Sifat Qudrat dan Iradat 59
3.3.5 *Taʿalluq* Sifat Kalam 59
3.4 Sifat *Maʿnawiyyah*..... 60
4. Dua Puluh Sifat Yang Mustahil..... 62
5. Sifat Yang Harus bagi Allah..... 68
6. *Burhān* (Dalil Aqlī) bagi Sifat Allah ﷻ..... 68
6.1 *Burhān* Sifat Wujud 68

6.1.1 Dalil Baharunya Alam Ini 69
6.1.2 Dalil Baharunya Sifat Alam Ini..... 70
6.2 *Burhān* Sifat *Qidam* (Sedia Ada Tanpa Permulaan) 70
6.3 *Burhān* Sifat *Baqā'* (Kekal Ada Tanpa Pengakhiran) 71
6.4 *Burhān* Sifat *Mukhalafatuh li al-Ḥawādith* 71
6.5 *Burhān* Sifat Wujud dengan Sendiri..... 72
6.6 *Burhān* Sifat Keesaan..... 73
6.7 *Burhān* Sifat Kuasa, Kehendak, Ilmu dan Hidup..... 74
6.8 *Burhān* Sifat Mendengar, Melihat dan Kalām 74
6.9 Burhan Sifat Harus..... 75
7. Para Rasul عليهم السلام..... 75
7.1 Sifat Wajib bagi Para Rasul عليهم السلام..... 75
7.2 Sifat Mustahil bagi Para Rasul..... 76
7.3 Sifat Harus bagi Para Rasul..... 77
8. Burhān 77
8.1 *Burhān* Sifat Benar 77
8.2 *Burhān* Sifat Amanah 78
8.3 *Burhān* Sifat Tabligh..... 79
8.4 Dalil Sifat Harus 79
9. Dua Kalimah Syahadah 80
10. Makna *Ulūhiyyah*: *Istighnā'* dan *Iftiqār*..... 80
10.1 *Istighnā'* dan Tuntutannya..... 81
10.1.1 Sifat *Wujūd*, *Qidam*, *Baqā'*, *al-Mukhālafah li al-Ḥawādith*, *al-Qiyam bi al-Nafs* dan *Tanzīh* 81
10.1.2 Sifat *Sama*ʿ, *Baṣar* dan *Kalām* 82
10.1.3 Maha Suci daripada Tujuan Mengambil Manfaat..... 82
10.1.4 Tidak Wajib ke atas-Nya Menjadikan Sesuatu Yang *Mumkin* atau Tidak Menjadikannya..... 83
10.2 *Iftiqār* dan Tuntutannya..... 84
10.2.1 Sifat *Ḥayāh*, *Qudrah* dan *Irādah*..... 84
10.2.2 Sifat *Waḥdāniyyah* 85
10.2.3 Baharunya Alam Ini 85

10.2.4 Tiada *Ta'thīr* (Memberi Bekas/Kesan) Melainkan bagi Allah 86
11. Kesimpulan Makna Syahadah Tauhid 88
12. Makna Syahadah *Taṣdīq* 88
12.1 Mewajibkan Keimanan dengan Para Nabi, Malaikat, Kitab dan Hari Akhirat 88
12.2 Kewajipan Sifat Benar, Kemustahilan Sifat Dusta dan Khianat serta Maksiat 89
12.3 Keharusan Sifat Kemanusiaan 90
13. Dua Kalimah Syahadah Mengandungi Simpulan-simpulan (ʿ*Aqā'id*) Iman 91
14. Memperbanyakkan Zikir Tahlil dan *Taṣdīq* 92
15. Penutup 92

BEBERAPA KONSEP PENTING 96

1: Tiga Jenis Hukum dan Pembahagiannya 96
2: Akidah/ Iman: Ijmālī dan Tafṣīlī 97
3: Empat Pembahagian Sifat 20 98
4: Sifat *Salbiyyah* 99
5: Sifat Maʿānī dan Taʿalluqnya 100
6: 10 Perkara Yang Perlu Dinafikan 101
7: Sifat-sifat Berkaitan *Istighnā'* dan *Iftiqār* 102
8: 50 Simpulan Akidah (ʿ*Aqāʿid al-Īmān*): ʿ*Aqīdat al-Khamsīn* 103

PENULIS 104

MUQADDIMAH

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،

Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam.

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Selawat dan salam dipanjatkan buat semulia-mulia Nabi dan Rasul ﷺ, Sayyidina Muhammad [ﷺ],

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،

Dan juga buat ahli keluarga Baginda ﷺ dan para sahabat Baginda ﷺ, serta sesiapa sahaja yang menuruti jejak langkah mereka dengan penuh kebaikan sehingga hari pembalasan.

أَمَّا بَعْدُ:

Adapun selepas itu:

Pengenalan Asas Ahli Sunnah dan Jama'ah

PENGENALAN ASAS AHLI SUNNAH DAN JAMA'AH

Pendahuluan

Ahli Sunnah dan Jama'ah (ASWJ) boleh didefinisikan secara umum dan secara khusus. Bahagian ini akan membincangkan definisi ASWJ secara umum dan bahagian yang berikut akan membincangkan definisi ASWJ secara khusus.

Definisi "Ahli Sunnah dan Jama'ah" dari Secara Umum

Istilah "Ahli Sunnah dan Jama'ah" terdiri daripada tiga perkatan iaitu:

1. Ahli
2. Sunnah, dan
3. Jama'ah

Berikut adalah huraian bagi setiap istilah di atas.

"Ahl"

Lafaz *ahl* mempunyai empat (4) makna seperti berikut:

Bil.	Makna	Contoh	
1.	Pemilik	*Ahl al-Ilm*	Orang yang memiliki ilmu
2.	Orang yang layak	*Ahl al-Ijtihad, al-'Aqd*	Orang yang layak berijtihad, berkontrak
3.	Penduduk	*Ahl Makkah; Ahl al-Wabar; Ahl al-Madar*	Orang yang tinggal di Mekah; penduduk bandar; penduduk kampung
4.	Isteri, keluarga dan kaum kerabat	*Ahl al-Rajul*	Isteri, keluarga dan kaum kerabat lelaki itu.

Makna yang dikehendaki dalam istilah “Ahli Sunnah dan Jama’ah” ialah makna pertama iaitu “**PEMILIK**”. Ini bermakna bahawa “Ahli Sunnah dan Jama’ah” ialah:

PEMILIK “SUNNAH DAN JAMA’AH”.

Ahl juga boleh memberi makna penganut dan pengikut. Sebagai contoh:

أَهْلُ الْمَذْهَبِ: مَنْ يَدِينُ بِهِ

“*Ahl al-madhhab*: ialah seorang yang beragama dengannya (menganut dan mengikutnya).”

Ahl al-madhhab al-Shāfiʿī ialah seorang penganut dan pengikut mazhab Syafie. Ini bermakna beliau beribadah dan bermuamalat berdasarkan hukum fiqh yang telah diperincikan di dalam mazhab Syafie.

“Al-Sunnah”

Al-Sunnah dari sudut bahasa memberi makna “jalan hidup”. Ia boleh merujuk kepada jalan hidup yang baik atau tidak baik. Namun begitu, pada kebiasaannya ia digunakan dengan konotasi dan maksud yang baik. Dari sudut istilah pula, *al-Sunnah* pula mempunyai enam (6) definisi seperti berikut:

Bil.	Definisi	Disiplin Ilmu
1.	Perkataan, perbuatan dan perakuan Rasulullah ﷺ	Ulama’ Usul al-Fiqh
2.	Perkataan, perbuatan, perakuan dan sifat Rasulullah ﷺ	Ulama’ Hadith

3.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa.	Ulama' Fiqh – Taklifi
4.	Amalan yang apabila dilakukan, diberi pahala dan apabila tidak dilakukan, tidak berdosa. Namun begitu, Rasulullah ﷺ lebih banyak melakukannya daripada meninggalkannya.	Sebahagian Ulama' Usul al-Fiqh
5.	Syariat yang sahih/ benar - Berlawanan dengan makna bid'ah secara umum.	Istilah Syariat Umum
6.	Akidah yang sahih/ benar - Berlawanan dengan bid'ah akidah secara khusus.	Istilah Akidah Khusus

Majoriti ulama' *muta'akhkhirīn* mula mengkhususkan istilah "al-sunnah" dan "al-bidʿah" di dalam perkara-perkara akidah kerana ia adalah merupakan asas agama dan kesalahan padanya adalah kesalahan yang besar. Ini adalah kerana makna perpecahan umat itu lebih jelas dan kuat pada perpecahan akidah**.** Imam Ibnu Rajab al-Ḥanbalī (w.795H) menyebut:

وَكَثِيرٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ الْـمُتَأَخِّرِينَ يَخُصُّ اسْمَ السُّنَّةِ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِالِاعْتِقَادَاتِ، لِأَنَّهَا أَصْلُ الدِّينِ، وَالْمُـخَالِفُ فِيهَا عَلَى خَطَرٍ عَظِيمٍ

"Dan ramai dari kalangan para ulama' terkemudian mengkhusukan nama al-Sunnah dengan apa yang berkaitan dengan kepercayaan-kepercayaan akidah, kerana sesungguhnya ia adalah asas agama dan seseorang yang bertentangan (dengan al-Sunnah) padanya berada di atas bahaya yang amat besar."

R: Ibn Rajab al-Ḥanbalī (w.795H): Jāmiʿ al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.

Bagi makna yang keenam ini, Imam al-Ḥāfiẓ Ibnu Rajab al-Ḥanbalī (w.795H) juga menyebut:

مَا سَلِمَ مِنَ الشُّبُهَاتِ فِي الْاِعْتِقَادَاتِ، خَاصَّةً فِي مَسَائِلِ الْإِيمَانِ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَكَذَلِكَ فِي مَسَائِلِ الْقَدَرِ، وَفَضَائِلِ الصَّحَابَةِ

"[al-Sunnah ialah] Kepercayaan/ iktikad yang sejahtera daripada unsur-unsur syubhat dalam perkara berkaitan akidah, khususnya yang berkaitan dengan masalah-masalah keimanan dengan Allah, para mala'ikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, dan hari akhirat, dan begitu juga berkaitan dengan masalah-masalah takdir dan kemuliaan para sahabat."

R: Ibnu Rajab al-Ḥanbalī (w.795H): Kash al-Kurbah fi Waṣf Ahl al-Ghurbah.

Maka, makna yang dikehendaki dalam istilah "Ahli Sunnah dan Jama'ah" adalah makna yang keenam iaitu "**AKIDAH YANG SAHIH**". Ini juga memberi makna bahawa Sunnah Rasulullah ﷺ yang paling penting dan utama ialah Sunnah Akidah Baginda ﷺ. Dengan ini, "Ahli Sunnah dan Jama'ah" memberi maksud:

"**PEMILIK AKIDAH YANG SAHIH BERTEPATAN DENGAN AKIDAH RASULULLAH ﷺ"** DAN JAMA'AH.

"Al-Jamāʿah"

Al-Jamāʿah dari sudut bahasa ialah:

عَدَدُ كُلِّ شَيْءٍ وَكَثْرَتُهُ

"Bilangan (perhimpunan/ perkumpulan) setiap sesuatu dengan banyak."

Ia juga boleh memberi makna:

عَدَدٌ كَثِيرٌ/ كَبِيرٌ مِنَ النَّاسِ ...

"Bilangan yang ramai/ besar daripada kalangam manusia ..."

Dari sudut istilah pula, Imām al-Mufassirīn Abū Jaʿfar al-Ṭabarī (w.310H) telah menukilkan empat pandangan berkenaan makna *al-Jamāʿah*, seperti mana yang telah dinukilkan oleh Imam al-Ḥāfiẓ Shayk al-Islām Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī (w.852H). Dan keempat-empat makna tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Makna *al-Jamāʿah*
1.	Para sahabat Rasulullah ﷺ
2.	Para imam dan ulamak mujtahid yang mengikut jalan *al-firqah al-nājiyah* (diperakui dan disepakati kebenaran mereka).
3.	Golongan yang paling ramai dari kalangan umat Islam.
4.	Mereka yang bersepakat/ berhimpun untuk [memberi ketaatan kepada] pemerintah yang sah di sisi Syariat.

Makna yang dikehendaki dalam istilah "Ahli Sunnah dan Jama'ah" adalah makna yang pertama, kedua dan ketiga. Maka, istilah "Ahli Sunnah dan Jama'ah" boleh dimaknakan sebagai:

> "**PEMILIK AKIDAH YANG SAHIH BERTEPATAN DENGAN AKIDAH RASULULLAH ﷺ, PARA SAHABAT رضي الله عنهم, PARA ULAMA' DAN MUJTAHID YANG MUKTABAR DAN GOLONGAN YANG PALING RAMAI DARIPADA KALANGAN UMAT ISLAM."**

Rumusan Definisi Umum Ahli Sunnah dan Jama'ah

Maka berdasarkan penerangan makna lafaz Ahli, Sunnah dan Jama'ah sebelum ini, kita dapat membuat rumusan bahawa definisi umum bagi Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah:

"Orang Islam yang memiliki akidah yang bertepatan dengan:

- akidah Rasulullah ﷺ,
- akidah para Sahabat Rasulullah رضي الله عنهم,
- akidah para imam dan mujtahid yang muktabar (disepakati kebenarannya) serta
- akidah majoriti umat Islam."

Definisi umum ASWJ di atas juga menunjukkan bahawa asas-asas akidah adalah perkara yang sama, kekal dan tidak berubah sejak zaman Rasulullah ﷺ sehingga kepada umat Baginda ﷺ yang terakhir. Bahkan, asas-asas akidah adalah sama di dalam semua Syariat yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul عليهم السلام sejak Nabi Adam عليه السلام sehingga kepada Nabi Muhammad ﷺ, dan seterusnya tatkala Nabi Isa عليه السلام turun di akhir zaman kelak.

Kesimpulan Definisi Umum Ahli Sunnah dan Jama'ah (ASWJ)

Gambar rajah di atas memberi ringkasan umum bagi perbincangan sebelum ini.

Definisi Khusus Ahli Sunnah dan Jama'ah

Definisi Ahli Sunnah dan Jama'ah juga boleh dilihat daripada pelbagai perspektif yang khusus seperti berikut:

- Masa/ Zaman
- Manhaj
- Madrasah/ Mazhab
- Mazhab Fiqh
- Peranan dan Tugas

Rujuk gambar rajah di bawah.



Dari Sudut Masa

Dari sudut masa, golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- Generasi Salaf (*Ṣāliḥ*): mereka yang hidup pada tiga kurun Hijrah yang pertama (1 Hijrah sehingga 300 Hijrah) atau mereka

yang terdiri daripada generasi Sahabat ﷺ, tābiʿīn dan tābiʿī al-tābiʿīn.

- Generasi Khalaf (*Ṭayyib*): mereka yang hidup selepas generasi Salaf dan era mereka sehingga ke hari ini.

Dari Sudut Manhaj Akidah

Dari sudut manhaj akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- *Naqli*: golongan yang hanya merujuk kepada dalil-dalil naqli.
- *Aqli* dan *Naqli*: golongan yang menggabungkan dalil-dalil aqli dan naqli. Ini adalah pendekatan majoriti para ulama' ASWJ.
- *Aqli*, *Naqli* dan *Kashfi*: golongan yang bermula dengan *aqli* dan *naqli*, kemudian berakhir dengan jalan *kashfi*. Mereka adalah golongan Ṣūfiyyah.

Menurut Sheikh Nizār Hammādī, pendekatan ulama' al-Ashāʿirah di dalam integrasi aqli dan naqli boleh dibahagikan kepada tiga bentuk pendekatan:

1. *Naqli* lebih banyak berbanding *Aqli*
2. *Aqli* lebih banyak berbanding *Naqli*
3. *Naqli* dan *Aqli* digabungkan secara seimbang.

Contoh ulama' yang mengambil pendekatan pertama adalah al-Nawawi (w.676H) dan Ibnu Hajar al-ʿAsqalani (w.852H) serta contoh bagi bagi pendekatan kedua adalah Fakhr al-Din al-Razi (w.606H) dan Saʿd al-Din al-Taftazani (w.793H). Manakala Abu Hamid al-Ghazali

(w.505H) adalah tokoh yang dapat mengimbangkan di antara kedua-dua aspek tersebut.

Dari Sudut Madrasah Akidah

Dari sudut madrasah akidah, golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- Al-Ashāʿirah: golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-Ḥasan al-Ashʿarī (*Aqli* dan *Naqli*).
- Al-Māturīdiyyah: golongan yang mengikut manhaj Imam Abū al-al-Manṣūr al-Māturīdī (*Aqli* dan *Naqli*).
- Al-Athariyyah: golongan yang mengikut manhaj Imam Aḥmad bin Ḥanbal (*Naqli* sahaja).
- Al-Ṣūfiyyah. Sebahagian ulama' menjadikan para ulama' Ṣufiyyah sebagai salah satu cabang madrasah ilmu (bukan amali semata-mata) bagi akidah ASWJ kerana mereka mempunyai manhaj *kashfī* atau tauhid *shuhūd* atau *dhawqī*.

Dari Sudut Mazhab Fiqh (Masakini)

Dari sudut madrasah mazhab fiqh (masakini), golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- Ḥanafiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Abū Ḥanīfah.
- Mālikiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Mālik bin Anas al-Madanī.
- Shāfiʿiyyah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfiʿī.
- Ḥanābilah: umat Islam yang beramal dengan mazhab fiqh Imam Aḥmad bin Ḥanbal.

Golongan yang tidak bermazhab (*al-lāmadhhabī*), mazhab Syiah Imāmiyyah, Syiah Ismāʿīliyyah, Syiah Zaydiyyah dan Ibāḍiyyah tidak termasuk di dalam manhaj fiqh ASWJ.

Dari Sudut Peranan dan Tugas

Dari sudut peranan dan tugas, golongan Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada:

- Ulama' tauhid (Akidah)
- Ulama' fiqh
- Ulama' hadith
- Ulama' bahasa dan sastera arab
- Ulama' al-Quran
- Ulama' tasawuf
- Para pejuang (*mujāhid*)
- Masyakat umum dan pemerintah yang mana zahir di negara dan negeri mereka syiar Ahli Sunnah dan Jama'ah.

Pembahagian ini telah dinyatakan oleh Imam ʿAbd al-Qāhir al-Baghdādī (w.429H) di dalam kitabnya yang masyhur "al-Farq bayn al-Firaq."



Ciri Umum Ahli Sunnah dan Jama'ah

Secara umumnya, ciri-ciri umum umat Islam Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah seperti berikut:

- ✓ Mereka menyintai dan menghormati kedua-dua ahli keluarga Rasulullah ﷺ dan para sahabat Rasulullah ﷺ.
- ✓ Mereka adalah golongan yang *waṣaṭiyyah* (pertengahan di antara dua ekstrim).
- ✓ Mereka adalah majoriti ulama' umat Islam sejak dahulu sehingga kini.
- ✓ Mereka adalah majoriti umat Islam sejak dahulu sehingga kini.
- ✓ Mereka saling hormat menghormati.
- ✓ Mereka tidak saling kafir mengkafir sesama mereka dan tidak saling sesat menyesatkan sesama mereka.
- ✓ Mereka tidak mengkafirkan atau menyesatkan atau mencaci para ulama' dan orang-orang soleh yang terdahulu.
- ✓ Mereka banyak berselawat kepada Rasulullah ﷺ, menjaga adab yang tinggi dengan Baginda ﷺ dan mengiktikadkan bahawa Baginda ﷺ ialah makhluk Allah ﷻ yang paling mulia di sisi-Nya.
- ✓ Mereka tidak mengharuskan pemberontakan bersenjata ke atas pemimpin muslimin dan umat Islam.
- ✓ Mereka berlapang dada dalam perkara-perkara *khilāfiyyah* dan bertegas pada asas akidah.
- ✓ Mereka tidak mudah mengkafirkan ahli qiblah.
- ✓ Mereka tidak mengkafirkan umat Islam kerana melakukan dosa, apatah lagi kerana melakukan amalan-amalan sunat, perkara *khilāfiyyah* dan adab dalam ibadah dan berdoa seperti *tawassul*, *tabarruk* dan *istighāthah*.

Al-Ashāirah

&

Al-Māturīdiyyah

adalah Tunggak

Ahli Sunnah dan Jama’ah

Al-Ashāʿirah dan al-Māturidiyyah adalah Tokoh-tokoh Utama Akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah[1]

Ulama' al-Ashāʿīrah dan al-Māturidiyyah adalah merupakan tokoh-tokoh utama ASWJ yang berkhidmat bagi menjelaskan, memperincikan, menyaring, menyusun dan mempertahankan akidah ASWJ.

Al-Imam Shaykh al-Islam Shihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami (w.974H)

Salah seorang daripada dua tunggak dan pentahqiq mazhab Shafie pada era *istiqrār* (peringkat keteguhan) mazhab Shafie iaitu al-Imam Shaykh al-Islam Shihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami al-Makki (w.974H) menyebut di dalam *al-Zawājir ʿan Iqtirāf al-Kabāʾir* (p: 82) berkata:

المـراد بالسنة: ما عليه إماما أهل السنة والجمـاعة الشيخ أبو الحسن الأشعري وأبو منصور الماتريدي

> "Maksud yang dikehendaki dengan (ahli) Sunnah (dan Jama'ah) adalah akidah yang dipegang oleh dua orang Imam Ahli Sunnah dan Jama'ah iaitu: (i) (al-Imam) al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ari dan (i) (al-Imam al-Shaykh) Abu Mansur al-Maturidi."

Dan kemudian beliau menyatakan di dalam kitab yang sama dan di dalam kitabnya yang lain iaitu "*al-Ta'arruf fi al-Aslayn wa al-Tasawwuf*":

مَنْ خَالَفَهُمَا فَهُوَ مُبْتَدِعٌ

---

[1] Definisi khusus dan masyhur yang sering dimaksudkan bagi istilah Ahli Sunnah dan Jama'ah ialah Al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah.

"Barangsiapa yang menyalahi mereka berdua (al-Imam Abū al-Ḥasan al-Ash'arī dan al-Imam Abū Manṣūr al-Māturīdī), maka dia adalah seorang ahli bid'ah."

Al-'Allamah Shahid al-Mihrab Prof. Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti (1347H/1929M - 1434H/2013M)

Al-'Allamah Shahid al-Mihrab Prof. Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti menyebut di dalam khutbah Jumaat beliau bertajuk: **Al-Asha'irah dan Al-Maturidiah** pada 20 Syawal 1425 H/3 Disember 2004 M:

"Siapakah mereka al-Asha'irah dan al-Maturidiah? Mereka adalah lisan yang berkata dan menterjemahkan akidah **al-Sawād al-A'ẓam** (majoriti ulama' dan umat Islam). Dan **al-Sawād al-A'ẓam** itu adalah perkara yang telah diperintahkan oleh Rasulullah al-Mustafa ﷺ untuk kita mengikutinya, dengan sabdaan Baginda ﷺ:

عَلَيْكُمْ بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ

((**Hendaklah kamu semua berpegang dengan al-Sawād al-A'ẓam**)).

Dan hadith-hadith yang menegaskan tentang kepentingan mengikut **al-Sawād al-A'ẓam** daripada kalangan umat Islam adalah begitu banyak. Bahkan sesungguhnya hadith-hadith tersebut sepertimana yang disebut oleh ramai para ulama' telah mencapai darjat ***Mutawatir Ma'nawi***. Benar, semuanya (hadith-hadith tersebut) dengan lafaz-lafaz yang pelbagai jenis dan bentuk menyeru ke arah mengikut **al-Sawād al-A'ẓam**.

Bukan **al-Sawād al-A'ẓam** (majoriti) daripada seluruh dunia, akan tetapi hadith-hadith tersebut menyeru ke arah **al-Sawād al-A'ẓam (majoriti) dari kalangan para Muslimin**..."

Al-Shaykh Dr. Nuh ‘Ali Salman al-Qudah (1939M – 2010M)

Al-Shaykh Dr. Nuh ‘Ali Salman al-Qudah – Qadi al-Qudah (Ketua Hakim) dan Mufti Jordan yang paling berpengaruh dalam sejarahnya serta tokoh sarjana Muslim yang sangat disegani di Jordan menyebut:


ومن الجدير بالذكر أن جهابذة علماء المسلمين من محدثين ومفسرين وفقهاء وأصوليين ومتكلمين هم من الأشاعرة والماتريدية، فالمالكية والشافعية وكثيرٌ من الحنابلة ـ كابن الجوزي ـ أشاعرةٌ، والحنفية ماتريدية، فماذا يقول يومَ القيامة مَنْ سَبَّ هؤلاء وشَتَمَهم وهو عالةٌ عليهم في بقية علوم الشريعة؟

“Dan di antara perkara yang patut disebut ialah jaguh-jaguh ulama’ Muslimin daripada ulama’ hadith, ulama’ tafsir, ulama’ fiqh, ulama’ usul fiqh dan ulama’ akidah: mereka adalah daripada **Al-Asha’irah dan Al-Maturidiah**.

Ulama’ mazhab Maliki, ulama’ mazhab Syafie dan ramai daripada ulama’ mazhab Hanbali – seperti Ibnu al-Jawzi – adalah **Asha’irah** dan ulama’ mazhab Hanafi adalah **Maturidiah**.

Maka apakah yang akan dikatakan oleh golongan yang mencaci dan mencela mereka pada hari kiamat kelak, sedangkan dalam masa yang sama golongan tersebut bergantung kepada mereka (**Al-Asha’irah** & **Al-Maturidiah)** dalam ilmu-ilmu Shariah yang lain?…”

R: (al-Qudah (1432H): al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharat al-Tawhid), pp.9-10.

Al-Shaykh Prof. Dr. Muhammad Hasan Hitou: Ulama' Empat Mazhab adalah Al-Asha'irah dan Al-Maturiddiyah

Kedudukan al-Asha'irah sebagai majoriti ulama' umat Islam khususnya majoriti ulama' empat mazhab adalah amat diketahui dan diperakui kawan dan lawan. Tiada yang meragui hakikat ini melainkan seorang yang taksub atau jahil.

Al-Shaykh Prof. Dr. Muhammad Hasan Hitou menyebut:


فالمالكية كلهم أشاعرة...
والشافعية كلهم أشاعرة...
والحنفية كلهم أشاعرة أو ماتريدية ولا خلاف بينهم...
وجملة كبيرة من أئمة الحنابلة المتقدمين من الأشاعرة.
وهذا على الجملة.

> "Maka ulama' mazhab Maliki kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Shafi'ie kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Hanafi kesemuanya adalah Asha'irah atau Maturidiyyah dan tidak ada perbezaan di antara mereka (pada hakikatnya), dan sebahagian besar daripada para imam dari kalangan ulama' mazhab Hanbali yang terdahulu adalah dari kalangan Asha'irah.
>
> Dan ini adalah secara umum."
>
> R: (al-Sinan & al-'Anjari Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum), Bahagian Muqaddimah, p.7.

Al-Shaykh Prof. Dr. Muhammad Hasan Hito seterusnya menyebut:

وأما على التفصيل فعظماء أمة محمد صلى الله عليه وسلم من الأشاعرة، كالباقلاني، والقشيري، وأبي إسحاق الشيرازي، وأبي الوفاء بن عقيل الحنبلي، وأبي محمد الجويني، وولده أبي المعالي إمام الحرمين، وحجة الإسلام الغزالي، والقاضي أبي بكر بن العربي، وفخر الدين الرازي، وابن عساكر، والعز بن عبد السلام، وأبناء الأثير، والرافعي، والنووي، والسبكي وأولاده، والمزي، والعراقي، وابنا حجر ـ العسقلاني والهيتمي ـ، والسيوطي، وما لا يحصيه العد مما تنقطع بذكره الأنفاس، ويضيق بعده القرطاس.

فإن كان كل هؤلاء ممن ذكرنا، وأضعافا مضاعفة ممن لم نذكر ليسوا من أهل السنة، فمن هم أهل السنة في التاريخ ؟

"Manakala secara terperinci pula [berkenaan ASWJ], maka tokoh-tokoh besar umat Nabi Muhammad ﷺ adalah terdiri daripada ulama' Al-Asha'irah – seperti al-Baqillani, al-Qushayri, Abu Ishaq al-Shirazi, Abu al-Wafa' bin 'Aqil al-Hanbali, Abu Muhammad al-Juwayni, dan anaknya Abu al-Ma'ali Imam al-Haramayn, Hujjat al-Islam al-Ghazali, Al-Qadi Abu Bakr bin al-'Arabi, Fakhr al-Din al-Razi, Ibnu 'Asakir, Al-'Izz bin 'Abd al-Salam, anak-anak al-Athir, al-Rafi'i, al-Nawawi, al-Subki dan anak-anaknya, al-Mizzi, al-'Iraqi, Ibn Hajar al-'Asqalani, Ibn Hajar al-Haytami, al-Suyuti, dan sebilangan besar yang tidak terhitung, nafas tidak akan terputus dan kertas tidak akan mencukupi untuk menulis mereka satu-persatu.

Dan sekiranya setiap daripada mereka yang telah kami sebutkan, dan berganda-ganda banyaknya lagi yang tidak kami sebut, bukanlah daripada Ahli Sunnah dan Jama'ah[2], maka siapakan Ahli Sunnah dan Jama'ah dalam sejarah [umat Islam]??!!."

[2] Seperti yang sering dituduh dan didakwa oleh golongan Wahhabi.

R: (al-Sinan & al-'Anjari Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum), Bahagian Muqaddimah, p.7.

Pusat Fatwa Jordan: Tokoh Utama Ulama' Al-Ashairah al-Maturidiyyah

Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Pemfatwaan Umum), Jordan (2020) menyebut di dalam kitab "Aqīdat al-Muslim", p.74.:

الأشاعرة هم جمهور المسلمين في شتّى العصور ومختلف الأزمنة، وكان علماؤهم وفقهاؤهم أصحابَ الدولة والمناصب العلميّة المرموقة، وهم الذين كانوا يتولَّون إنشاء المدارس، وتدوين العلوم وتدريسها للطلبة، وهم الذين كانوا يحافظون على أحكام الشريعة الإسلاميّة، ويدافعون عن الدين الإسلامي الحنيف، وكانوا مشهورينَ بالعَدْل والإنصاف.

"Al-Ashāʿirah adalah merupakan majoriti umat Islam di segenap zaman dan sepanjang masa. Para ulama' dan fuqaha' daripada kalangan mereka adalah para pemimpin negara Islam dan ilmuan berwibawa yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam ilmu lagi dihormati.

Mereka adalah para pemimpin dan ulama' yang memainkan peranan dalam menubuhkan madrasah-madrasah [di dalam dunia Islam], dan mengarang [kitab-kitab dalam] pelbagai jenis bidang ilmu, serta mengajarkannya kepada para penuntut ilmu.

Dan mereka adalah [para pemimpin dan ulama'] yang memelihara hukum-hukum Syariat Islam serta mempertahankan agama Islam yang suci ini dan mereka begitu terkenal dengan keadilan dan kesaksamaan."

Tokoh-tokoh Utama Ulama' Al-Ashāʿirah

Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Pemfatwaan Umum), Jordan (2020) turut menyenaraikan tokoh-tokoh utama ulama' Al-Ashā'irah seperti berikut:

- Imam [al-Mujaddid] al-Bāqillāni (w.403H)
- Imam Ibnu Fūrak (w.406H)
- Imam al-Ḥaramayn Abū al-Maʿālī al-Juwaynī (w.478H)
- Imam [al-Mujaddid] Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H)
- Imam [al-Mujaddid] Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H)

Berikut adalah latar belakang mereka secara ringkas:

Imam [al-Mujaddid] al-Bāqillāni (w.403H)

Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib, yang digelar sebagai "Shaykh al-Sunnah" dan "Lisān al-Ummah", daripada kalangan para imam mazhab Maliki. Kepimpinan mazhab Al-Ash'arī dipegang oleh beliau pada zamannya, beliau tergolong daripada kalangan tokoh-tokoh utama Al-Ashāʿirah selepas pengasasnya [Imam] Abū al-Ḥasan al-Ashʿari, sepertimana beliau juga dikira daripada kalangan para mujaddid kurun ke-empat Hijrah.

Imam Ibnu Fūrak (w.406H)

Abū Bakr Muḥammad bin al-Hasan bin Fūrak Al-Anṣārī al-Aṣbahānī, seorang ahli hadith, ahli usul, *mutakallim*, ahli fiqh daripada kalangan ulama' mazhab Shafie, beliau mengambil riwayat hadith di Basrah dan Baghdad dan meriwayatkannya di Naysabur dan beliau juga membina sebuah madrasah di sana.

Imam al-Ḥaramayn Abū al-Maʿālī al-Juwaynī (w.478H)

Abū al-Maʿālī ʿAbd al-Malik bin ʿAbdullāh, daripada kalangan ulama' mazhab Shafie. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang terkenal dengan ilmu dan agama. Bapa beliau adalah salah seorang daripada kalangan ulama' dan fuqaha' Naysabur yang terkenal. Beliau mempunyai karangan yang begitu banyak di dalam bidang tafsir, fiqh, akidah, usul fiqh dan ibadah. Beliau digelar sebagai "Imām al-Ḥaramayn" (Imam Dua Tanah Haram) kerana beliau pernah memegang tanggungjawab sebagai imam dan tenaga pengajar di dua tanah suci, Mekah dan Madinah.

Imam [al-Mujaddid] Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H)

Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid al-Shāfiʿī al-Ashʿarī. Beliau ialah seorang ahli fiqh, ahli usul, mutakallim, dan menjalani jalan ahli Sufi. Beliau dikenali sebagi salah seorang pengasas madrasah al-Ashʿariyyah di dalam ilmu kalam (akidah). Dan [Imam] al-Ghazālī digelar dengan pelbagai gelaran sewaktu hidupnya, gelaran yang paling masyhur ialah "Ḥujjat al-Islām". Dan di antara gelaran yang diberikan kepada beliau ialah: "Zayn al-Dīn", "Maḥajjat al-Dīn", "al-Ālim al-Awḥad", "Muftī al-Ummah", "Barakat al-Anām", "Imām A'immat al-Dīn" dan "Sharaf al-A'immah".

Imam [al-Mujaddid] Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H)

Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin ʿUmar al-Qurashī (asal keturunan dari Quraysh) al-Shāfiʿī al-Ashʿarī. Beliau digelar sebagai "Fakhr al-Dīn al-Rāzi", "Sulṭān al-Mutakallimin", "Shaykh al-Maʿqūl wa al-Manqūl", seorang ahli tafsir, ahli fiqh, ahli usul, ahli ilmu yang ensiklopedik (menguasai pelbagai ilmu). Kajian-kajian, pengajian-pengajian dan

karangan-karangan beliau merangkumi ilmu-ilmu kemanusiaan, bahasa, ilmu-ilmu ʿ*aqliyyah* sehingga ilmu-ilmu sains praktikal dan alam tabii seperti fizik, *riyāḍiyyāt* (matematik, kejuruteraan, algebra dan lain-lain) perubatan dan astronomi. Beliau merupakan tokoh pemimpin mazhab al-Ashʿarī dan merupakan mujaddid bagi mazhab ini. Apabila beliau menaiki haiwan tunggangannya, maka beliau akan dikelilingi oleh puluhan penuntut ilmu yang bertanya kepadanya soalan dalam pelbagai bidang ilmu.

Rujukan: Kitab "Aqīdat al-Muslim" (2020), terbitan Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm (Pusat Fatwa Umum), Jordan, p.75.

Tokoh Ulama' Al-Ashā'irah adalah Para Mujaddid Sepanjang Kurun

Imam al-Ḥāfiẓ al-Imām al-Ḥāfiẓ al-Mawsūʿī al-Mujtahid al-Mujaddid Jalāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān bin Abū Bakr al-Suyūṭī al-Shāfiʿī al-Ashʿarī al-Shādhīli (w.911H) telah merakamkan nama para mujaddid Islam di dalam manẓūmah beliau yang bertajuk "Tuḥfat al-Muhtadīn bi Akhbār al-Mujaddidīn". Beliau menyebut:

اَلْحَمْدُ لله الْعَظِيمِ الْمِنَّةْ	اَلْمَانِحِ الْفَضْلَ لِأَهْلِ السُّنَّةْ
Segala puji bagi Allah yang Maha Agung dalam memberi kurniaan, lagi yang Maha Memberi limpah kurniaan/ kelebihan kepada Ahli Sunnah [dan Jama'ah].	
ثُمَّ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ نَلْتَمِسْ	عَلَى نَبِيٍّ دِينُهُ لَا يَنْدَرِسْ
Kemudian selawat dan salam kami pohonkan, ke atas Nabi [Muhammad ﷺ] yang agamanya tidak akan lenyap.	

لَقَدْ أَتَى فِي خَبَرٍ مُشْتَهِرِ	رَوَاهُ كُلُّ حَافِظٍ مُعْتَبَرِ
Sesungguhnya telah datang di dalam khabar (hadith) yang masyhur; setiap hafiz yang diperakui [keilmuannya dalam hadith] telah meriwayatkannya.	
بِأَنَّهُ فِي رَأْسِ كُلِّ مِائَةْ	يَبْعَثُ رَبُّنَا لِهَذِي الْأُمَّةْ
Bahawa sesungguhnya pada setiap awal seratus tahun (kurun), Tuhan kita akan membangkitkan bagi umat ini.	
مَنًّا عَلَيْهَا عَالِمًا يُجَدِّدُ	دِينَ الْهُدَى لِأَنَّهُ مُجْتَهِدُ
Sebagai kurniaan ke atas umat ini - seorang alim yang akan memperbaharui (menghidupkan), agama petunjuk ini kerana beliau adalah seorang mujtahid.	
فَكَانَ عِنْد الْمِائَةِ الْأُولَى عُمَرْ	خَلِيفَةُ الْعَدْلِ بِإِجْمَاعٍ وَقَرْ
Maka pada kurun yang pertama [si mujaddid] ialah **[Khalifah] Umar [bin ʿAbd al-ʿAzīz] (w.101H)**, Sang khalifah yang adil, secara ijma' ditetapkan.	
وَالشَّافِعِيُّ كَانَ عِنْد الثَّانِيَةْ	لِمَا لَهُ مِنْ الْعُلُوم السَّامِيَةْ
Dan **[Imam] al-Shāfiʿī (w.204H)** adalah mujaddid pada kurun kedua, kerana baginya itu ilmu-ilmu yang sangat tinggi.	
وَابْن سُرَيْجٍ ثَالِثُ الْأَئِمَّةْ	وَالْأَشْعَرِيُّ عَدَّهُ مَنْ أَمَّهْ

Dan **[Imam] Ibnu Surayj (w.306H)** adalah mujaddid [kurun] yang ketiga, dan **[Imam Abu al-Ḥasan] al-Ashʿarī (w.324H)** dikira mujaddid oleh mereka (para ulama') yang mengangkat beliau sebagai Imam.	
وَالْبَاقِلَّانِيْ رَابِعٌ أَوْ سَهْلٌ أَوْ	اَلْإِسْفَرَايِينِيُّ خُلْفٌ قَدْ حَكَوْا
Dan **[Imam Abū Bakr] al-Bāqillānī (w.402H)** itu adalah yang keempat, ataupun **[Imam Abū al-Ṭayyib] Sahl [al-Ṣaʿlūkī] (w.404H)** atau, **[Imam Abū Ḥāmid] al-Isfarāyīnī (w.406H),** terdapat khilaf dalam hal ini seperti yang mereka nyatakan.	
وَالْخَامِسُ: الْحَبْرُ هُوَ الْغَزَالِيْ	وَعَدُّهُ مَا فِيهِ مِنْ جِدَالِ
Dan yang kelima adalah si pendeta **Imam al-Ghazali (w.505H),** dan pengiraan beliau sebagai mujaddid tidak ada padanya perdebatan.	
وَالسَّادِسُ: الْفَخْرُ الْإِمَامُ الرَّازِيْ	وَالرَّافِعِيُّ مِثْلُه يُوَازِيْ
Dan yang keenam ialah **[Imam] Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H),** dan **Imam al-Rāfiʿī (w.623H)** seumpamanya seiringan.	
وَالسَّابِعُ: الرَّاقِي إِلَى الْمَـرَاقِي	اِبْنُ دَقِيقِ الْعِيدِ بِاتِّفَاقِ
Dan yang ketujuh ialah dia yang meningkat ke pelbagai tingkatan [kemuliaan], **[Imam] Ibnu Daqiq al-ʿId (w.702H)** dengan sepakat.	
وَالثَّامِنُ: الْحَبْرُ هُوَ الْبُلْقِينِيْ	أَوْ حَافِظُ الْأَنَام زَيْنُ الدِّينِ

Dan yang kelapan ialah si pendeta **[Imam Sirāj al-Dīn] al-Bulqīnī (w.805H)**, atau **Hāfiz al-Anām [Imam] Zayn al-Dīn [al-ʿIrāqī] (w.806H).**	
وَالشَّرْطُ فِي ذَلِكَ أَنْ تَمْضِي الْمِائَةْ	وَهْوَ عَلَى حَيَاتِهِ بَيْنَ الْفِئَةْ
Dan syaratnya ialah apabila berlalunya kurun tersebut, beliau (si mujaddid) masih hidup di kalangan mereka.	
يُشَارُ بِالْعِلْمِ إِلَى مَقَامِهْ	وَيَنْصُرُ السُّنَّةَ فِي كَلَامِهْ
Ditunjuk dengan ilmu pada kedudukannya, dan beliau menghidupkan Sunnah [Rasulullah ﷺ] dengan kalamnya.	
وَأَنْ يَكُونَ جَامِعًا لِكُلِّ فَنْ	وَأَنْ يَعُمَّ عِلْمُهُ أَهْلَ الزَّمَنْ
Dan hendaklah beliau menghimpunkan semua jenis ilmu, dan [manfaat] ilmunya itu tersebar luas kepada ahli zamannya.	
وَأَنْ يَكُونَ فِي حَدِيثٍ قَدْ رُوِيْ	مِنْ أَهْلِ بَيْتِ الْمُصْطَفَى، وَقَدْ قَوِيْ
Dan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan [berkenaan Imam Mahdi], beliau hendaklah, daripada keturunan keluarga [Rasulullah] al-Muṣṭafā [ﷺ], dan ia riwayat yang kuat.	
وَكَوْنُهُ فَرْدًا هُوَ الْمَشْهُورُ	قَدْ نَطَقَ الْحَدِيثُ وَالْجُمْهُورُ
Dan dia adalah seorang individu, mengikut pandangan yang masyhur, yang telah disebut oleh hadith dan majoriti ulama'.	
وَهَذِهِ تَاسِعَةُ الْمِئِينِ قَدْ	أَتَتْ، وَلَا يُخْلَفُ مَا الْهَادِي وَعَدْ

Dan ini adalah kurun yang kesembilan sesungguhnya telah datang, tidaklah [Allah] Yang Maha Memberi Petunjuk itu memungkiri janji[-Nya].	
وَقَدْ رَجَوْتُ أَنَّنِي الْمُجَدِّدُ	فِيهَا فَفَضْلُ اللهِ لَيْسَ يُجْحَدُ
Dan sesungguhnya **aku berharap bahawa aku adalah seorang mujaddid: (Imam al-Suyuti) (w.911H)** padanya, maka sesungguhnya kurniaan Allah itu tidak dinafikan.	
وَآخِرِ الْمِئِينَ فِيمَا يَأْتِي	عِيسَى نَبِيُّ اللهِ ذُو الْآيَاتِ
Dan pada akhir abad nanti yang akan datang, Nabi ʿIsa عليه السلام yang memiliki tanda-tanda [kenabiannya] [akan muncul].	
يُجَدِّدُ الدِّينَ لِهَذِي الْأُمَّةْ	وَفِي الصَّلَاةِ بَعْضُنَا قَدْ أَمَّهْ
Memperbaharui (menghidupkan) agama bagi umat ini, dan di dalam solat kelak sebahagian daripada kita [iaitu Imam Mahdi] akan menjadi imam bagi beliau.	
مُقَرِّرًا لِشَرْعِنَا وَيَحْكُمُ	بِحُكْمِنَا إِذْ فِي السَّمَاءِ يُعْلَمُ
Beliau datang menetapkan Syariat kita, dan berhukum dengan hukum [Syariat] kita, tatkala di langit beliau telah diberi ilmu [tentang Syariat ini].	
وَبَعْدَهُ لَمْ يَبْقَ مِنْ مُجَدِّدِ	وَيُرْفَعُ الْقُرْآنُ مِثْلَ مَا بُدِيْ
Dan selepas kewafatan beliau kelak, tidak akan ada lagi mujaddid, dan al-Quran akan diangkat seperti bermulanya.	

وَتَكْثُرُ الْأَشْرَارُ وَالْإِضَاعَةْ	مِنْ رَفْعِهِ إِلَى قِيَامِ السَّاعَةْ
Dan orang-orang jahat akan bertambah ramai serta agama akan disia-siakan, sejak daripada al-Quran diangkat sehinggalah berlakunya Kiamat.	
وَأَحْمَدُ اللهَ عَلَى مَا عَلَّمَا	وَمَا جَلَا مِنْ اِلْخَفَا وَأَنْعَمَا
Dan aku memuji Allah di atas apa yang telah Dia ajarkan, dan di atas ilmu yang menjadi terang dari tersembunyi, dan di atas apa yang Dia kurniakan.	
مُصَلِّيًا عَلَى نَبِيِّ الرَّحْمَةِ	وَالْآلِ مَعْ أَصْحَابِهِ الْمَكْرُمَةِ
Juga aku berselawat ke atas Nabi [Muhammad ﷺ] yang membawa rahmat, juga ke atas ahli keluarga/para pengikut Baginda ﷺ serta para Sahabat رضي الله عنهم yang dimuliakan.	

Ringkasan bagi nama para mujaddid di dalam manẓūmah di atas adalah seperti berikut:

Kurun	Mujaddid
Pertama	Khalifah Umar bin ʿAbd al-ʿAzīz (w.101H)
Kedua	Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfiʿī (w.204H)
Ketiga	Imam Ibnu Surayj (w.306H); Imam Abū al-Ḥasan al-Ashʿarī (w.324H)
Keempat	Imam Abū Bakr al-Bāqillānī (w.402H); Imam Abū al-Ṭayyib Sahl al-Ṣaʿlūkī (w.404H); Imam Abū Hāmid al-Isfarāyīnī (w.406H)

Kelima	Imam Ḥujjat al-Islām Abū Hāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H)
Keenam	Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H); Imam al-Rāfiʿī (w.623H)
Ketujuh	Imam Ibnu Daqīq al-ʿĪd (w.702H)
Kelapan	Imam Sirāj al-Dīn al-Bulqīnī (w.805H); Ḥāfiz al-Anām Imam Zayn al-Dīn al-ʿIrāqī (w.806H)
Kesembilan	Imam al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn ʿAbd al-Raḥmān al-Suyūṭī (Doa beliau)

Dan senarai nama para mujaddid ini dipenuhi dengan tokoh-tokoh ulama' ASWJ al-Ashāʿirah yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Sumbangan mereka ke arah pengukuhan agama dan Sunnah Rasulullah ﷺ terlalu jelas dan besar. Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ.

Manhaj ASWJ di Tanah Melayu

Kerangka manhaj ASWJ di Tanah Melayu adalah seperti berikut:



Hakikat ini dapat dilihat di dalam kitab-kitab para ulama' Melayu, wasiat mereka dan fatwa serta undang-undang tempatan. Penulis menukilkan sebahagian daripada kenyataan ini di dalam buku yang ringkas ini.[3] Kenyataan-kenyataan tersebut ialah:

- Wasiat Sheikh Abdullah Fahim
- Kenyataan Ketua Pengarah JAKIM (2013): Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha
- Kenyataan Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan (2016)

Wasiat Syeikh Abdullah Fahim bin Syeikh Ibrahim (1869M – 1961M)

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ، (أَمَّا بَعْدُ):

"Tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama'-ulama', menteri-menteri hingga raja-raja sekalian mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imām al-Shāfiʿī ijmāʿan, tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Shāfiʿī (يَحْرُمُ خَرْقُ الْإِجْمَاعِ) "haram hukumnya mencarik/ merobek ijmaʿ".

[3] Penulis juga sedang menyiapkan sebuah buku yang khusus berkenaan Ahli Sunnah dan Jama'ah. Semoga Allah memberi taufik untuk penulis menyiapkannya.

Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Shāfiʿī daripada kitab Tuḥfah dan kitab Nihāyah hingga kitab al-Umm dan mukhtaṣarātnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabīl al-Muhtadīn, Bughyat al-Ṭullāb dan Maṭlaʿal-Badrayn dan lainnya.

Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Ashʿarī, diambilkan daripada shurūḥ dan hawāshī Umm al-Barāhīn dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu.

Ilmu Tasawwuf atas perjalanan al-Imām al-Ghazālī, diambilkan daripada Minhāj al-ʿĀbidīn, Ihyāʾ ʿUlūm al-Dīn dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyar/Sayr al-Sālikīn.

Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua mustanbaṭ daripada Qur'an dan Hadith yang dihalusi dan ditapis oleh ulama' ajillāʾ (ulama yang cemerlang lagi terbilang), diamal dengan dia sudah lebih daripada seribu (1000) tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun."

Tan Sri Dato' Haji Othman Bin Mustapha – Ketua Pengarah JAKIM (2013)

Ketua Pengarah JAKIM (24 April 2011 - 16 Mei 2018), Tan Sri Dato' Othman Mustapha juga ada menerangkan berkenaan definisi dan kerangka Ahli Sunnah dan Jama'ah yang menjadi asas penghayatan agama Islam di Malaysia. Pada tahun 2013, beliau menyebut:

> "Anutan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang menjadi tradisi di Malaysia [dari sudut fiqh] merujuk kepada pengikut mazhab Syafieyah dan dari segi teologinya [akidah] beraliran Asya'irah tanpa menolak tiga mazhab lain yang muktabar. Dari segi akhlak atau rohaniyahnya [Tasawwuf] dipengaruhi oleh pandangan Imam Al-Ghazali. "

Rujukan: Dato Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM, Berita Harian, Ahad, 13 Disember 2013, m/s 30-31.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (2016)

"Setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 02/2016-1437H yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadilawal 1437H telah bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam konteks Negeri Sembilan iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam mereka yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan:

1. Akidah dan Tauhid, berdasarkan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. Fiqh dan Syariah, berdasarkan mazhab Shafii di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. Tasawwuf, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali."

Rujukan: Laman Sesawang JMKNS (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan). Tarikh akses: Ahad, 8 Mei 2016.

Imam al-Sanūsī

&

Kitab Ummu al-Barāhīn

AL-IMĀM AL-MUJTAHID AL-MUJADDID MUḤAMMAD BIN YŪSUF AL-SANŪSĪ AL-MĀLIKĪ AL-ASHʿARĪ

Imam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi (w.895H)

Beliau ialah Imam al-Mujtahid al-Mujaddid Abu ʿAbdillah, Muhammad bin Yusuf bin ʿUmar bin Shuʿayb al-Sanusi [dari sudut tempat asal], al-Tilimsānī [dari sudut tempat kelahiran], al-Mālikī [dari sudut mazhab fiqh], al-Ashʿarī [dari sudut mazhab akidah] dan al-Sharīf al-Ḥasanī [dari sudut keturunan sebelah ibu].

Tarikh lahir beliau tidak dinyatakan secara jelas oleh ahli sejarah, namun kebanyakan mereka berpandangan bahawa beliau lahir selepas sekitar tahun 830 Hijrah. Beliau dilahirkan dan dibesarkan di Tilimsān (sebuah bandar di Algeria) oleh bapanya, seorang alim dan wali yang soleh al-Shaykh Yūsuf al-Sanūsī. Beliau telah menghafal al-Quran sejak kecil lagi di bawah bimbingan bapanya dan beliau turut belajar asas-asas ilmu agama daripada bapanya. Kesolehan beliau telah zahir semenjak kecil lagi apabila beliau bersikap menjaga maruah, banyak berdiam dan banyak bersedekah kepada golongan fakir miskin serta mempunyai kasih dan sayang terhadap mereka.

Beliau adalah daripada kalangan ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah yang terulung dan mempunyai bakti dan sumbangan yang cukup besar dalam dunia keilmuan Islam. Beliau menguasai pelbagai bidang ilmu, bersifat warak dan zuhud dan telah mempelajari ilmu-ilmu Islam daripada para mashayikh yang hebat.

Para Guru

Di antara guru-guru beliau ialah:

1. Bapa beliau sendiri: al-Shaykh Abū Yaʿqūb, Yūsuf bin ʿUmar bin Shuʿayb, al-Sanūsī.
2. Al-Shaykh Naṣr al-Zawāwī al-Tilimsānī. Imam al-Sanūsī mengambil banyak ilmu bahasa arab daripada beliau.
3. Al-Shaykh al-Ḥasan bin Makhlūf bin Masʿūd al-Muzīlī al-Rāshidī yang lebih dikenali sebagai Abrakān. Beliau adalah di antara guru yang paling berpengaruh bagi Imam al-Sanūsī. Imam al-Sanūsī telah mengambil banyak manfaat ilmu daripada beliau, dan beliau amat menyintainya dan sering mendoakannya.
4. Al-Shaykh Muḥammad bin Qāsim bin Tūnarat al-Ṣanhājī al-Tilimsānī.
5. Al-Shaykh Abū al-Ḥasan ʿAlī bin Muḥammad bin Muḥammad bin ʿAlī al-Qurashī, yang lebih dikenali dengan al-Qalṣādī.
6. Al-Shaykh Abū al-Ḥajjāj Yūsuf bin Aḥmad bin Muḥammad al-Sharīf al-Ḥasanī.
7. Al-Shaykh Abū ʿAbdillāh Muḥammad bin al-ʿAbbās bin ʿIsā al-ʿIyādī, yang lebih dikenali dengan Ibnu al-ʿAbbās.
8. Al-Shaykh Muḥammad bin Aḥmad bin ʿIsā al-Sharīf, yang lebih dikenali dengan “al-Jallāb.”
9. Al-Shaykh Abū al-Qāsim
10. Al-Shaykh Abu Zayd ʿAbd al-Raḥmān al-Thaʿālabī. Beliau ialah pengarang kitab tafsir “al-Jawāhir al-Ḥisān” dan kitab-kitab lain yang bermanfaat. Imam al-Sanūsī telah membaca Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim dan kitab-kitab hadith yang lain dengan beliau.

Dan lain-lain.

Para Murid

Di antara murid-murid beliau ialah:

1. Al-Shaykh Muḥammad bin ʿUmar bin Ibrāhīm al-Mallālī al-Tilimsānī. Beliau mengarang kitab “al-Mawāhib al-Qudsiyyah fi al-Manāqib al-Sanūsiyyah.”
2. Al-Shaykh Balqāsim bin Muḥammad al-Zawāwī. Beliau adalah daripada kalangan anak murid kanan dan awal bagi Imam al-Sanūsī.
3. Al-Shaykh Muḥammad bin Abū Madyan al-Tilimsānī.
4. Al-Shaykh Aḥmad bin Muḥammad, yang lebih dikenali sebagai Ibnu al-Ḥājj al-Baydari al-Tilimsānī.
5. Al-Shaykh al-Faqīh al-Ṣūfī Muḥammad al-Qalʿī, juga di antara murid kanan Imam al-Sanūsī.
6. Al-Shaykh al-Faqīh al-Uṣūlī Muḥammad bin ʿAbd al-Raḥmān al-Ḥawḍī (w.910H).

   Dan lain-lain.

Kitab Karangan

Di antara kitab-kitab karangan beliau ialah:

- Al-Sharḥ al-Kabīr ʿalā al-Ḥawfiyyah/ al-Muqarrib al-Mustawfī fi Sharḥ Farā’iḍ al-Ḥawfī. Beliau mengarang kitab ini sewaktu berumur 19 tahun.
- Al-ʿAqīdah [al-Sanūsiyyah] al-Kubrā, yang dikenali sebagai “ʿAqīdat Ahl al-Tawḥīd”/ “ʿAqīdat Ahl al-Tawḥīd al-Mukhrijah bi ʿAwn Allāh min Ẓulumāt al-Jahl wa Ribqat al-Taqlīd al-Murghimah bi Faḍl Allāh Taʿālā Anf Kull Mubtadiʿ wa ʿAnīd.”
    - Sharḥ al-ʿAqīdah al-Kubrā bertajuk “ʿUmdat Ahl al-Tawfīq wa al-Tasdīd fi Sharḥ ʿAqīdat Ahl al-Tawḥīd.”
- Al-ʿAqīdah [al-Sanūsiyyah] al-Wusṭā
    - Sharḥ al-ʿAqīdah [al-Sanūsiyyah] al-Wusṭā

- **Al-ʿAqīdah [al-Sanūsiyyah] al-Ṣughrā**, yang juga dikenali sebagai **"Ummu al-Barāhīn."** Matan akidah ini boleh dianggap sebagai karyanya yang paling masyhur dan tersebar luas d di dalam dunia Islam (**Kitab ini**).
    - Sharḥ al-ʿAqīdah [al-Sanūsiyyah] al-Sughrā
- ʿAqīdat Ṣughrā al-Ṣughrā
    - Sharḥ ʿAqīdat Ṣughrā al-Ṣughrā
- Al-Mufīdah
- Al-Muqaddimāt
- Tawḥīd Ahl al-ʿIrfān wa Tawḥīdullāh bi al-Dalīl wa al-Burhān
- A-Minhāj al-Sadīd fi Sharḥ Kifāyat al-Murīd. Ia merupakan syarahan beliau bagi Naẓm Aḥmad bin ʿAbdullāh al-Zawāwī al-Jazāʾirī.
- Sharḥ al-Asmāʾ al-Ḥusnā
- Sharḥ al-Muqaddimah al-Waghlīsīyyah. Al-Muqaddimah al-Waghlīsiyyah adalah merupakan sebuah kitab yang masyhur dikarang oleh al-Imām ʿAbd al-Raḥmān al-Waghlīsī al-Bijā'ī al-Zawāwī yang lebih dikenali sebagai Sayyidī Buzayd al-Waghlīsī (w.786H). Ia merupakan kitab yang merangkumi tentang fiqh mazhab Maliki, akidah Ashāʿirah dan tasawwuf Imam al-Junayd al-Baghdādī.
- Sharḥ Naẓm al-Hawḍī fī al-ʿAqā'id.
- Sharḥ Murshidah Ibn Ṭūmart
- Sharḥ Mukhtaṣar Ibn ʿArafah
- Sharḥ Īsāghūjī fi al-Manṭiq
- Sharḥ Jawāhir al-ʿUlūm li al-ʿAḍud
- Mukhtaṣar fi al-Qirā'āt al-Sabʿ
- Mukhtaṣar Ḥāshiyat al-Taftāzānī ʿala al-Kashshāf

- Mukhtaṣar al-Rawḍ al-Unuf fi Sharḥ al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Hishām li ʿAbd al-Raḥmān al-Suhaylī
- Ringkasan kitab Bughyat al-Sālik ilā Ashraf al-Masālik
- Ringkasan kitab al-Riʿāyah li Ḥuqūqillāh
- Risālat al-Dahriyyah fī al-ʿAqīdah.

dan lain-lain.

Petikan Kata-kata

Di antara kata-kata beliau yang penting di dalam "Al-ʿAqīdah al-Wuṣṭā" ialah berkenaan syarat-syarat bagi seorang wali Allah. Beliau menyatakan bahawa terdapat empat (4) syarat bagi seorang wali Allah, iaitu:

1. Hendaklah dirinya seorang yang mempunyai *maʿrifah* (pengetahuan yang benar) berkenaan Uṣūl al-Dīn (prinsip-prinsip asas agama) sehingga dia dapat membezakan di antara makhluk dan pencipta.
2. Hendaklah dirinya seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan berkenaan hukum-hukum Syariat dari sudut nukilan/riwayat dan kefahaman.
3. Hendaklah dirinya seorang yang berakhlak dengan akhlak-akhlak terpuji yang dianjurkan oleh Syariat dan akal.
4. Hendaklah dirinya sentiasa melazimi ketakutan (ketakwaan) kepada Allah sepanjang masa dan tidak pernah merasa tenang terhadap [tipu daya] nafsu/ dirinya sekali-kali kerana menyedari bahawa dia tidak mengetahui [pada hakikatnya] adakah dirinya tergolong daripada kalangan golongan yang ditentukan kebahagiaan [abadi] atau kecelakaan [abadi] [di sisi Allah ﷻ].

Kewafatan

Al-Imām Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Māliki al-Ashʿarī wafat pada hari Ahad selepas solat Asar pada 18 Jamadil Akhir tahun 895 Hijrah. Beliau wafat pada umur 63 tahun setelah jatuh sakit selama sepuluh hari. Dan di antara doa beliau tatkala hampir kewafatannya ialah:

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا وَأَحِبَّتَنَا عِنْدَ الْمَوْتِ نَاطِقِينَ بِكَلِمَتَيْ الشَّهَادَةِ عَالِمِينَ بِهَا

> “Ya Allah, jadikanlah kami dan mereka yang kami kasihi, pada saat menghadapi kematian, daripada kalangan orang-orang yang dapat mengucap dua kalimah syahadah dalam keadaan mengetahui [makna dan tuntutan]nya.”

Beliau dimakamkan di Tilimsān, Algeria dan makam beliau adalah di antara tempat yang menjadi tumpuan ziarah masyarakat Islam di sana.

KEDUDUKAN MATAN UMMU AL-BARĀHĪN

Manhaj Penulisan Kitab Akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah

Secara umumnya, manhaj penulisan ilmu akidah di sisi ulama' Ahli Sunnah dan Jama'ah boleh dibahagikan kepada tiga (3) pendekatan seperti berikut:

- Manhaj ulama' akidah (*mutakallimīn*).
- Manhaj ulama' hadith.
- Manhaj ulama' sufi (tasawuf).

Kitab-kitab karangan ulama' *mutakallimīn* ASWJ pula boleh dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu: (i) permulaan/ asas, (ii) pertengahan dan (iii) kepakaran/ tinggi. Matan Ummu al-Barāhīn (atau al-ʿAqīdah al-Sanūsiyyah al-Ṣughrā) berada di dalam kategori permulaan dan asas (Rujuk gambar rajah di bawah). Bahkan, matan ini boleh dikatakan sebagai salah satu matan yang paling masyhur, penting dan berpengaruh di dalam kategori permulaan dan asas ini.



Manhaj Pengajaran dan Kitab-kitab Akidah di sisi Ahli Sunnah dan Jama'ah Al-Ashāʿirah

Di sini kami (Dā'irat al-Iftā' al-ʿĀmm Jordan) membentangkan manhaj pengajaran kitab-kitab akidah di sisi Ashāʿirah, dan manhaj mereka ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat berdasarkan peringkat yang sesuai bagi penuntut ilmu: iaitu peringkat permulaan (asas), peringkat pertengahan dan peringkat kepakaran.

Peringkat Permulaan dan Asas

Di antara kitab-kitab yang masyhur bagi peringkat permulaan di dalam ilmu akidah ialah seperti berikut:

i. Jawharat al-Tawḥīd oleh al-Imam Ibrāhīm al-Laqqānī al-Mālikī (w.1041H), yang diberi gelaran sebagai Abū al-Amdād.
ii. Ummu al-Barāhīn oleh Imam al-Mujtahid al-Mujaddid Abū ʿAbdillah, Muḥammad bin Yūsuf bin ʿUmar bin Shuʿayb al-Sanūsī (w.895H).
iii. Al-Kharīdah al-Bahiyyah oleh Imam al-Faqih al-Uṣūlī Ahmad al-Dardīr al-ʿAdawī al-Mālikī al-Azharī al-Khalwatī (w.1201H).
iv. Qawaʿid al-ʿAqaʿid oleh al-Imam Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H).
v. Iḍā'at al-Dajnah fi ʿAqā'id Ahl al-Sunnah oleh Imam Shihāb al-Dīn al-Muqrī al-Tilimsānī (w.1041H).
vi. Al-ʿAqīdah al-Ṣalāhiyyah (Ḥadā'iq al-Fuṣūl wa Jawāhir al-Uṣūl) oleh Imam al-Shaykh al-Naḥwī Tāj al-Dīn Muḥammad bin Hibatullāh al-Barmakī al-Makkī (w.599H). Al-Ṣalāḥiyyah ialah nisbah kepada Sultan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī (w.589H) – pembuka kota Baitul Maqdis. Baginda sangat mengambil berat tentang matan akidah ini dan memerintahkannya agar ia

diajarkan kepada kanak-kanak muslimin dan para penuntut ilmu dewasa di madrasah-madrasah.

Peringkat Pertengahan

Dan selepas kitab-kitab di peringkat permulaan ini, terdapat kitab-kitab pengajian akidah bagi peringkat pertengahan seperti:

- Al-Iqtiṣād fi al-Iʿtiqād oleh al-Imam Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H)
- Maʿālim Uṣūl al-Dīn oleh al-Imam Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.606H)
- Al-ʿAqīdah al-Wuṣṭā oleh al-Imam al-Sanūsī (w.895H)

Dan setiap satu bagi kitab-kitab ini mempunyai kitab-kitab syarahan yang penting.

Peringkat Kepakaran dan Tinggi

Berkenaan dengan peringkat kepakaran pula terdapat kitab-kitab yang begitu banyak, sama ada berbentuk ringkas atau panjang. Di antara kitab-kitab yang masyhur di peringkat ini ialah:

- Sḥarh al-ʿAqā'id al-Nasafiyyah oleh al-Imām al-Muḥaqqiq al-ʿAllāmah Saʿd al-Dīn al-Taftāzānī bersama dengan syarah-syarahnya dan hawashinya.
- Tahdzib al-Kalam oleh al-Imām al-Muḥaqqiq al-ʿAllāmah Saʿd al-Dīn al-Taftāzānī.
- Al-Mawaqif oleh al-Imam ʿAḍud al-Din al-Ījī bersama syarahannya oleh al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani
- Abkar al-Afkar oleh al-Imam al-Āmidī.

Dan kitab-kitab lain yang agak sukar untuk dibaca melainkan oleh mereka yang merupakan ahli takhassus serta mempunyai

pengetahuan yang kukuh di dalam bidang-bidang ilmu Syariat Islam yang pelbagai.

MATAN UMMU AL-BARĀHĪN

Peringkat Penulisan Ilmu

Tiga peringkat penulisan ilmu di dalam pengajian Islam turath atau klasik adalah:

- Matan
- Syarahan
- Hashiyah

Sebahagian ulama' menambah:

- Taqrir
- Taqrir ʿala al-Taqrir

Definisi Matan (*Matn*)

Istilah matan (*matn*) boleh didefinisikan dari sudut bahasa dan istilah.

Bahasa

Matan (*matn* dan kata jamaknya: *mutūn*) adalah perkataan yang berasal dari *matana*.

Dari sudut bahasa, matan mempunyai beberapa makna seperti berikut:

1. Sumpah
2. Tetap
3. Panjang/ Berterusan
4. Kata-kata

Menurut Imam Ibnu Fāris di dalam Muʿjam Maqāyīs al-Lughah:

ٱلْمِيمُ وَالتَّاءُ وَالنُّونُ، أَصْلٌ صَحِيحٌ وَاحِدٌ يَدُلُّ عَلَى صَلَابَةٍ فِي الشَّيْءِ مَعَ امْتِدَادٍ وَطُولٍ

> “Huruf mīm, tā’ dan nūn adalah merupakan asal yang sahih lagi satu, yang menunjukkan kepada kekerasan/ kekuatan di dalam sesuatu perkara, bersama [sifat] berterusan dan panjang.”

Matuna pula memberi maksud: menjadi kuat, teguh dan keras. Di antara nama-nama Allah adalah al-Matīn (المتين) yang bermaksud “Yang Maha Teguh Kekuatan-Nya” atau “Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya.” Allah ﷻ berfirman (al-Dhāriyāt: 58):

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلرَّزَّاقُ ذُو ٱلْقُوَّةِ ٱلْمَتِينُ ﴿٥٨﴾ ﴾

> “Sesungguhnya Allah Dia lah sahaja Yang Memberi rezeki [kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia lah sahaja] Yang Mempunyai Kekuasaan yang tidak terhingga, lagi Yang Maha Kuat Kukuh Kekuasaan-Nya.”

Kaitan makna di antara matan dan definisi bahasanya menunjukkan bahawa **matan adalah merupakan jalan yang penting bagi kekukuhan ilmu dan keberkekalannya**. Dalam erti kata lain, **seorang yang menguasai matan-matan ilmu akan mempunyai ilmu yang kukuh dan kekal.**

Istilah

Dari sudut istilah pula, matan didefinisikan sebagai:

خِلَافُ الشَّرْحِ وَالْحَوَاشِي

> “Sesuatu penulisan ilmu yang bukan merupakan syarahan atau hashiyah.”

Matan juga boleh disamakan dengan *mukhtaṣar ʿilmī* (atau ringkasan ilmu) dan boleh didefinisikan sebagai:

مَا قَلَّ لَفْظُهُ وَكَثُرَ مَعْنَاهُ

"Sesuatu yang sedikit/ pendek lafaznya, namun banyak atau luas atau dalam maknanya."

Dr. Ismāʿīl ʿAbd ʿAbbās mendefinisikan matan sebagai:

هو كلمات مختصرة في رسالة صغيرة، تجمع بين سهولة النطق وجمال العبارة، وبين إيجاز الألفاظ وكثرة المعاني، تصاغ نثرًا أو نظمًا، تخلو في الغالب من الاستطراد أو التفصيل؛ كالشواهد والأمثلة إلا في حدود الضرورة

"Kalimah-kalimah ringkas di dalam risalah yang kecil, menghimpunkan sebutan yang mudah dan ayat yang indah, juga menghimpukan lafaz yang ringkas dan makna yang banyak/luas, disusun dalam bentuk *nathr* (ayat biasa) atau *nazm* (rangkap syair), pada kebiasaannya ia tidak mengandungi huraian dan perincian seumpama *shawāhid* (bukti/hujah sokongan) atau contoh-contoh, melainkan pada kadar yang sangat diperlukan."

Jenis-jenis Matan Ilmu

Jenis-jenis matan ilmu boleh dibahagikan dari sudut:

(i) Bentuk.

(ii) Skop dan topik.

Dari Sudut Bentuk

Dari sudut bentuk, matan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

1. nathar (*nathr*) dan
2. nazam (*naẓm* atau *manẓūmah*).

Nathar ialah matan dalam bentuk ayat yang biasa dan kebanyakan matan adalah dalam bentuk ini. Nazam pula ialah matan yang disusun

seperti syair, dengan ʿarūḍ dan qāfiyahnya. Matan nazam pula boleh dibahagikan kepada dua jenis:

1. Nazam ilmu [yang asal]. Contohnya:
    a. Alfiyat Ibn Mālik di dalam ilmu nahu.
2. Nazam bagi matan ilmu yang asal (dalam bentuk nathar). Contohnya:
    a. Alfiyat al-ʿIrāqī adalah nazam bagi matan Muqaddimah Ibnu al-Ṣalāḥ (nathar).
    b. Nazm al-ʿImrīṭī / al-ʿAmrīṭī adalah nazam bagi matan al-Waraqāt fī Uṣūl al-Fiqh oleh Imam al-Ḥaramayn Abū al-Maʿālī al-Juwaynī.

Dari Sudut Skop dan Topik

Dari sudut skop dan topik pula, matan boleh dibahagikan kepada matan yang umum dan matan yang khusus. Matan yang umum menyentuh sesuatu disiplin ilmu secara holistik. Matan yang khusus pula membincangkan topik-topik tertentu dalam sesuatu disiplin ilmu. Matan ada yang pendek, sederhana dan panjang.

Kepentingan Hafalan Matan Bagi Pembentukan Penguasaan Ilmu

Para ulama' menyatakan bahawa:

مَنْ حَفِظَ الْمُتُونَ حَازَ الْفُنُونَ

> "Barangsiapa yang menghafal matan-matan [ilmu], maka dia akan menguasai seni-seni/ bidang-bidang [ilmu]."

Imam al-Raḥabī menyebut di dalam matan nazamnya yang masyhur "al-Raḥabiyyah":

فَاحْفَظْ فَكُلُّ حَافِظٍ إِمَامُ

"Maka hafallah [wahai pembaca/penuntut ilmu], maka sesungguhnya setiap yang menghafal itu adalah imam."

Kepentingan hafalan bagi ilmu juga disebut oleh ulama':

حِفْظُ سَطْرَيْنِ خَيْرٌ مِنْ حِمْلٍ وَقَرِينٍ

"Hafalan dua baris adalah lebih baik dari beban [buku yang dibawa] dan seorang kawan."

R: al-Hasan al-Yusi: Zahr al-Akam fi al-Amthal wa al-Hikam (زهر الأكم في الأمثال والحكم).

Dan:

حَرْفٌ فِي قَلْبِكَ خَيْرٌ مِنْ أَلْفٍ فِي كُتُبِكَ

"Satu huruf di hatimu (hafalanmu) lebih baik dari seribu huruf di dalam kitab-kitabmu."

R: al-Hasan al-Yusi: Zahr al-Akam fi al-Amthal wa al-Hikam (زهر الأكم في الأمثال والحكم).

Dan adalah lebih baik jika hafalan-hafalan ini dimulakan sejak kecil lagi, bak kata ulama':

اَلْحِفْظُ فِي الصِّغَرِ كَالنَّقْشِ عَلَى الْحَجَرِ

"Menghafal ketika usia muda adalah seumpama mengukir di atas batu (kesannya lama dan mudah kekal)."

Matan adalah merupakan anak tangga atau anak kunci pertama dalam sistem pegajian turath Islam. Para penuntut ilmu seharusnya

mempelajari dan menghafal matan-matan asas dalam sesuatu ilmu yang dipelajarinya. Matan juga sebenarnya dapat membentuk peta minda (*mind map*) bagi memudahkan kefahaman dan penguasaan sesuatu ilmu.

Dalam sistem pengajian turath, hafalan atau hafazan matan adalah penting dan dikira sebagai batu asas dalam penguasaan ilmu. Walaupun kefahaman sesuatu ilmu adalah lebih utama berbanding hafazan teksnya, namun ini tidak bermakna hafazan perlu diabaikan. Bahkan, kefahaman yang diikat dengan hafazan matan akan lebih kekal lama dan kukuh.

Matan Ummu al-Barāhīn: Matan Yang Muktabar

Ilmu bagi Syariat Islam perlu diambil daripada sumbernya yang berautoriti, iaitu para ulama' dan kitab-kitab yang muktabar. Menurut Sheikh Dr. Usāmah al-Sayyid al-Azharī, sesuatu kitab itu boleh dianggap muktabar atau "disambut oleh umat Islam dengan penerimaan" (تلقته الأمة بالقبول) apabila mempunyai tiga (3) ciri-ciri berikut:

i. Kitab tersebut diajar secara terus menerus oleh para ulama' di dalam majlis ilmu mereka.
ii. Isi kandungan kitab tersebut dinukilkan oleh para ulama' di dalam kitab-kitab tulisan mereka.
iii. Kitab tersebut diberi khidmat oleh para ulama' dengan membuat ringkasan, syarahan, takhrij, nazam dan seumpamanya baginya.

Ketiga-tiga ciri di atas didapati berlaku pada matan Ummu al-Barāhīn. Oleh kerana itu, matan Ummu al-Barāhīn boleh dianggap sebagai salah satu matan paling penting dalam pengajian ilmu akidah Ahli

Sunnah dan Jama'ah dan mempunyai kesan yang cukup besar dalam pengajian dan penulisan akidah selepasnya.

Syarahan Para Ulama'

Di antara syarahan para ulama' bagi matan Ummu al-Barāhīn ialah:

- *Al-Murshid al-Muʿīn* oleh Ibnu ʿĀshir al-Mālikī
- *Iḍā'at al-Dajnah fi Iʿtiqād Ahl al-Sunnah* oleh al-Muqrī
- *Dhariʿat al-Yaqīn Sharḥ Umm al-Barāhīn* oleh al-Imām Nawawī al-Jāwī al-Bantanī
- *Ḥashiyat al-Imām al-Bayjūrī ʿalā Umm al-Barāhīn* oleh al-Imām Burhān al-Dīn Shayk al-Azhar Ibrāhīm bin Muḥammad bin Aḥmad al-Shāfiʿī al-Bājūrī/ al-Bayjūrī (1198 H – 1276 H).
- *Sharḥ Umm al-Barāhīn* oleh al-Shaykh Muḥammad al-Makkī al-Batawari (w.1355H).
- *Sharḥ Umm al-Barāhīn* oleh al-Imām Muḥammad bin Manṣūr al-Hudhudī.
- *Ṭāliʿ al-Bushrā ʿalā al-ʿAqīdah al-Sanūsiyyah al-Ṣughrā* oleh al-Shaykh Ibrāhīm bin Aḥmad al-Marighānī al-Tūnīsī (w.1349H).
- *Al-ʿAqā'id al-Durriyyah Sharḥ Matn al-Sanūsiyyah* oleh al-Shaykh al-Ustādh al-Kāmil Muḥammad al-Hāshimī.
- *Sharḥ Umm al-Barāhīn* oleh al-Shaykh Aḥmad bin ʿĪsā al-Anṣārī.
    - *Tahdhīb Sharḥ al-Sanūsiyyah* oleh al-Shaykh Dr. Saʿīd ʿAbd al-Laṭīf Fūdah.

Kerangka Matan Ummu al-Barāhīn

Bagi memudahkan pembaca memahami kandungan perbincangan matan Ummu al-Barāhīn, penulis meringkaskan tajuk-tajuknya seperti jadual di bawah.

<table>
<tr><td colspan="3">[1] Hukum Akal</td></tr>
<tr><td colspan="3">[2] Hukum Syariat</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Allah</td><td>[3] Sifat Yang Wajib</td><td rowspan="3">[6] Burhān bagi Sifat-sifat Wajib, Mustahil dan Harus bagi Allah</td></tr>
<tr><td>[4] Sifat Yang Mustahil</td></tr>
<tr><td>[5] Sifat Yang Harus</td></tr>
<tr><td rowspan="3">[7] Para Rasul عليهم السلام</td><td>Sifat Yang Wajib</td><td rowspan="3">[8] Burhān bagi Sifat Wajib, Mustahil dan Harus bagi Para Rasul عليهم السلام</td></tr>
<tr><td>Sifat Yang Mustahil</td></tr>
<tr><td>Sifat Yang Harus</td></tr>
<tr><td colspan="3">[9] Dua Kalimah Syahadah [Menghimpunkan Kesemuanya]</td></tr>
<tr><td colspan="2" rowspan="2">[10] Makna Ulūhiyyah</td><td>[10.1] Istighnā’</td></tr>
<tr><td>[10.2] Iftiqār</td></tr>
<tr><td colspan="2" rowspan="2">[11] Kesimpulan Dua Kalimah Syahadah</td><td>[12] Makna Syahadah Tauhid</td></tr>
<tr><td>[13] Makna Syahadah Taṣdīq</td></tr>
<tr><td colspan="3">[14] Memperbanyakkan Zikir Tahlil</td></tr>
<tr><td colspan="3">[15] Penutup</td></tr>
</table>

Bagi tajuk yang lebih terperinci, pembaca boleh merujuk susunan tajuk di bahagian “Isi Kandungan”.

Matan

Ummu al-Barāhīn

MATAN UMMU AL-BARĀHĪN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ،

Segala puji hanyalah bagi Allah,

وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُولِ اللهِ،

Selawat dan salam diutuskan buat Rasulullah ﷺ,

1. Hukum Akal (*ʿAqlī*)

اِعْلَمْ أَنَّ الْحُكْمَ الْعَقْلِيَّ يَنْحَصِرُ فِي ثَلاَثَةِ أَقْسَامٍ:

Ketahuilah olehmu bahawa sesungguhnya hukum[4] akal itu terhitung pada tiga bahagian:

الْوُجُوبِ، وَالْاِسْتِحَالَةِ، وَالْجَوَازِ.

Wajib [pada akal], mustahil [pada akal] dan harus [pada akal].

1.1 Wajib

فَالْوَاجِبُ: مَا لَا يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ عَدَمُهُ.

[4] Hukum ialah "menetapkan suatu perkara bagi suatu perkara atau menafikannya." Ia terbahagi kepada hukum akal, hukum Syariat dan hukum adat. Rujuk nota "Tiga Jenis Hukum dan Pembahagiannya" di lampiran.

Wajib [pada akal] itu ialah perkara yang tidak dapat di*taṣawwur*kan (diterima) pada akal ketiadaannya.

1.2 Mustahil

وَالْـمُسْتَحِيلُ: مَا لَا يُتَصَوَّرُ فِي الْعَقْلِ وُجُودُهُ.

Mustahil [pada akal] itu ialah perkara yang tidak dapat di*taṣawwur*kan (diterima) pada akal kewujudannya.

1.3 Harus

وَالْجَائِزُ: مَا يَصِحُّ فِي الْعَقْلِ وُجُودُهُ وَعَدَمُهُ.

Harus [pada akal] itu ialah perkara yang dapat diterima oleh akal kewujudannya dan ketiadaannya.

2. Hukum Syariat: Kewajipan Seorang Mukallaf Berkenaan Hak Allah dan Hak Para Rasul ﷺ

وَيَجِبُ عَلَى كُلِّ مُكَلَّفٍ شَرْعًا

Dan wajib ke atas setiap mukallaf pada hukum Syariat [taklīfī]

أَنْ يَعْرِفَ مَا يَجِبُ فِي حَقِّ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ، وَمَا يَسْتَحِيلُ، وَمَا يَجُوزُ.

untuk mengetahui[5] perkara (sifat) yang wajib bagi Tuhan kita (Allah ﷻ) serta perkara yang mustahil dan harus bagi-Nya.

وَكَذَا يَجِبُ عَلَيْهِ

[5] Tiga syarat kesahihan iman (*maʿrifah yaqīniyyah*): (1) Jazam (tanpa syak dan menafikan yang bertentangan), (2) bertepatan dengan hakikat kebenaran dan (3) berdasarkan dalil (bukan taqlid).

Dan begitu juga wajib ke atasnya [pada hukum Syariat taklīfī]

أَنْ يَعْرِفَ مِثْلَ ذٰلِكَ فِي حَقِّ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ،

untuk mengetahui perkara seumpama (wajib, mustahil dan harus) tersebut bagi para Rasul عليهم السلام.

3. Dua Puluh Sifat Yang Wajib bagi Allah

فِمِمَّا يَجِبُ لِـمَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ:

Dan di antara [sifat] yang wajib[6] bagi Tuhan kita ﷻ [secara tafsili][7] ialah dua puluh sifat.

اَلْوُجُودُ،

[1] Wujud

وَالْقِدَمُ،

[2] Sedia ada/ wujud [tanpa didahului dengan tiada]

وَالْبَقَاءُ،

[3] Kekal ada/ wujud [tanpa pengakhiran]

---

[6] Iktikad yang wajib secara *ijmālī* pada hak Allah ﷻ ialah: Allah ﷻ Maha Suci daripada segala sifat-sifat kekurangan (*naqā'iṣ*) dan bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan (*kamāl*), keagungan (*jalāl*) dan keindahan (*jamāl*) [namun tidak ada yang mengetahui kesemua sifat-sifat ini melainkan Dia semata-mata] serta Dia berhak untuk menjadikan sesuatu yang *mumkin* atau tidak menjadikannya.

[7] Sifat 20 atau 41 adalah merupakan iktikad yang wajib secara *tafṣīlī* pada hak Allah ﷻ. Ia merupakan kadar minimum yang wajib diketahui secara *tafṣīlī* oleh seorang mukallaf. Ia bukanlah bermakna bahawa Allah ﷻ hanya mempunyai 20 sifat.

وَمُخَالَفَتُهُ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ،

[4] Bersalahan/ berbeza Allah ﷻ dengan perkara-perkara baru/ makhluk.

وَقِيَامُهُ تَعَالَى بِنَفْسِهِ: أَيْ لَا يَفْتَقِرُ إِلَى مَحَلٍّ، وَلَا مُخَصِّصٍ،

[5] Berdiri/ wujud dengan diri sendiri, iaitu Dia tidak berhajat kepada tempat (zat) dan tidak juga kepada pengkhusus (*fāʿil*).[8]

وَالْوَحْدَانِيَّةُ: أَيْ لَا ثَانِيَ لَهُ فِي ذَاتِهِ، وَلَا فِي صِفَاتِهِ، وَلَا فِي أَفْعَالِهِ.

[6] Esa, iaitu tiada dua bagi-Nya pada zat-Nya, dan tidak juga pada sifat-sifat-Nya, dan tidak juga pada perbuatan-Nya.[9]

فَهٰذِهِ سِتُّ صِفَاتٍ:

Dan enam sifat ini:

3.1 Sifat Nafsiyyah

الْأُولَى نَفْسِيَّةٌ، وَهِيَ: الْوُجُودُ.

Yang pertama ialah *nafsiyyah*, iaitu sifat wujud.

---

[8] Allah ﷻ tidak berhajat kepada sesuatu zat yang lain atau sesuatu yang mewujudkan atau mencipta diri-Nya.

[9] Sifat Esa menafikan berbilang-bilang pada zat Allah ﷻ, sifat-Nya dan perbuatan-Nya *(al-kumūm al-sittah*: *kamm muttaṣil* dan *kamm munfaṣil*). Dengan kata lain, zat Allah bukan tersusun daripada juzuk yang berbilang dan tidak ada zat yang menyerupai zat-Nya; sifat Allah juga tidak berbilang-bilang dan tiada sifat yang menyerupai sifat-Nya; dan tiada sesuatu apa pun yang menyertai-Nya pada perbuatan-Nya dan tidak ada perbuatan (*ta'thīr*) bagi selain-Nya.

3.2 Sifat *Salbiyyah*

وَالْخَمْسَةُ بَعْدَهَا سَلْبِيَّةٌ.

Dan lima sifat yang selepasnya itu ialah sifat *salbiyyah* (yang menafikan kekurangan daripada Allah ﷻ) (iaitu Sedia ada, Kekal ada, Bersalahan/ berbeza dengan perkara baru/ makhluk, Berdiri/ Wujud dengan Diri Sendiri dan Esa).[10]

3.3 Sifat *Maʿānī* dan *Taʿalluq*nya

ثُمَّ يَجِبُ لَهُ تَعَالَى سَبْعُ صِفَاتٍ، تُسَمَّى صِفَاتِ الْمَعَانِي، وَهِيَ:

Kemudian, wajib bagi Allah ﷻ tujuh sifat, yang dinamakan sebagai sifat *maʿānī*[11]. Dan sifat-sifat itu ialah:

3.3.1 *Taʿalluq* Sifat Qudrat dan Iradat

اَلْقُدْرَةُ، وَالْإِرَادَةُ الْمُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ الْمُمْكِنَاتِ.

Qudrat (Kekuasaan) dan Irādat (Kehendak), kedua-dua sifat ini ber*taʿalluq* dengan semua perkara *mumkin*.

3.3.2 *Taʿalluq* Sifat Ilmu

وَالْعِلْمُ الْمُتَعَلِّقُ بِجَمِيعِ الْوَاجِبَاتِ، وَالْجَائِزَاتِ، وَالْمُسْتَحِيلَاتِ.

---

[10] Rujuk nota "Sifat *Salbiyyah*" di lampiran.

[11] Setiap sifat yang wujud lagi berdiri pada zat yang wujud serta mewajibkan hukum (penetapan suatu perkara). Seperti sifat Qudrah, ia sifat yang wujud pada zat (قائمة بالذات) dan mewajibkan hal keadaan Allah itu Maha Berkuasa (كونه تعالى قادرا).

Dan sifat Ilmu yang ber*ta'alluq* dengan semua perkara yang wajib, harus dan mustahil.

3.3.3 Sifat *Hayah* Tidak Mempunyai *Ta'alluq*

وَالْحَيَاةُ، وَهِيَ: لَا تَتَعَلَّقُ بِشَيْءٍ .

Dan sifat Hidup dan ia tidak ber*ta'alluq* dengan sesuatu apa pun.

3.3.4 *Ta'alluq* Sifat Qudrat dan Iradat

وَالسَّمْعُ وَالْبَصَرُ الْمُتَعَلِّقَانِ بِجَمِيعِ الْمَوْجُودَاتِ.

Dan sifat Mendengar/Pendengar dan Melihat/Pelihat, kedua-duanya ber*ta'alluq* dengan semua perkara yang wujud.

3.3.5 *Ta'alluq* Sifat Kalam

وَالْكَلَامُ: الَّذِي لَيْسَ بِحَرْفٍ، وَلَا صَوْتٍ، وَيَتَعَلَّقُ بِمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ الْعِلْمُ مِنَ الْمُتَعَلَّقَاتِ.

Dan sifat Kalam/ Pekata yang bukan merupakan huruf, dan bukan merupakan suara dan ia ber*ta'alluq* dengan *ta'alluq* sifat ilmu daripada perkara yang berkaitan (iaitu wajib, mustahil dan harus).

3.4 Sifat *Maʿnawiyyah*

ثُمَّ سَبْعُ صِفَاتٍ، تُسَمَّى صِفَاتٍ مَعْنَوِيَّةً، وَهِيَ:

Kemudian, tujuh sifat yang dinamakan sebagai sifat *ma'nawiyyah*, dan ia adalah:

مُلَازِمَةٌ لِلسَّبْعِ الْأُولَى، وَهِيَ:

Sifat-sifat yang melazimi tujuh sifat [maʿānī] sebelum ini, dan sifat-sifat ini ialah:

كَوْنُهُ تَعَالَى :

Hal keadaan Allah ﷻ itu:

قَادِرًا،

Maha Berkuasa,

وَمُرِيدًا،

Maha Berkehendak,

وَعَلِيمًا،

Maha Mengetahui,

وَحَيًّا،

Maha Hidup,

وَسَمِيعًا،

Maha Mendengar,

وَبَصِيرًا،

Maha Melihat,

وَمُتَكَلِّمًا.

Maha Berkata/Pekata.

4. Dua Puluh Sifat Yang Mustahil

وَمِمَّا يسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِ تَعَالى عِشْرُونَ صِفَةً، وَهِيَ أَضْدَادُ الْعِشْرِينَ الْأُولَى، وَهِيَ:

Dan di antara sifat-sifat yang mustahil pada hak Allah ﷻ [secara tafṣīlī] ialah dua puluh sifat, dan sifat-sifat ini adalah lawan bagi sifat-sifat wajib yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu:

الْعَدَمُ،

Tidak wujud.

وَالْحُدُوثُ،

Dan baharu[12].

وَطُرُوءُ (/ طُرُوٌّ) الْعَدَمِ،

Dan berlaku ketiadaan (kebinasaan) ke atas-Nya.

وَالْمُمَاثَلَةُ لِلْحَوَادِثِ:

Dan menyerupai/ mempunyai kesamaan dengan sesuatu yang baharu (makhluk), iaitu:

بِأَنْ يَكُونَ جِرْمًا: أَيْ تَأْخُذَ ذَاتُهُ الْعَلِيَّةُ قَدْرًا مِنَ الْفَرَاغِ.

[12] Perkara baru (*ḥādith*/ *ʿālam*/ *mumkin al-wujūd*) itu ada tiga ciri kewujudannya: [1] kewujudannya itu didahului dengan tiada (*ʿadam*), [2] kewujudannya itu perlu kepada yang mewujudkannya (*muḥdith*) dan [3] kewujudannya itu boleh (harus) binasa (*fanā'*). Maha Suci Allah daripada ketiga-ketiga ciri kewujudan ini.

Ia adalah jirim, iaitu Zat-Nya yang Maha Tinggi[13] [kemuliaan dan keagungan-Nya] mengambil satu kadar daripada ruang kosong,

أَوْ يَكُونَ عَرَضًا يَقُومُ بِالْجِرْمِ،

Atau Ia merupakan *ʿaraḍ* yang menumpang pada jirim,

أَوْ يَكُونَ فِي جِهَةٍ لِلْجِرْمِ،

Atau Ia berada pada mana-mana arah/sudut [daripada arah yang enam: atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang] bagi jirim,

أَوْ لَهُ هُوَ جِهَةٌ،

Atau Ia mempunyai arah [daripada arah yang enam: atas, bawah, kiri, kanan, depan dan belakang – semuanya atau sebahagiannya],

أَوْ يَتَقَيَّدُ بِمَكَانٍ،

Atau Ia terikat dengan suatu tempat (mempunyai tempat),

أَوْ زَمَانٍ،

Atau Ia terikat dengan suatu masa[14] (berlalu masa ke atas-Nya),

أَوْ تَتَّصِفَ ذَاتُهُ الْعِلِيَّةُ بِالْحَوَادِثِ،

---

[13] Apabila sifat "tinggi" atau "*ʿuluww*" dinisbahkan kepada zat Allah ﷻ, maka ia merujuk kepada ketinggian maknawi (*ʿuluww maʿnawī*), iaitu ketinggian kemuliaan dan keagungan, dan bukan ketinggian fizikal atau tempat (*ʿuluww ḥissī*). Maha Suci Allah.

[14] Tempat (makan) dan masa (zaman) adalah dua makhluk ciptaan Allah ﷻ. Menyatakan bahawa Allah ﷻ terikat atau berhajat kepada tempat dan masa memberi makna/ implikasi bahawa berhajat kepada makhluk-Nya. Maha Suci Allah.

Atau Zat-Nya yang Maha Tinggi itu bersifat dengan sesuatu yang baharu (sifat-sifat makhluk),

أَوْ يَتَّصِفَ بِالصِّغَرِ،

Atau Zat-Nya bersifat dengan [saiz] kecil,

أَوْ الْكِبَرِ،

Atau [saiz] besar[15],

أَوْ يَتَّصِفَ بِالْأَغْرَاضِ فِي الْأَفْعَالِ أَوْ الْأَحْكَامِ.

Atau Ia bersifat dengan mengambil tujuan (manfaat) pada perbuatan-Nya atau hukum-hukum-Nya.

[15] Apabila sifat "besar" atau "*kibar*" dinisbahkan kepada zat Allah ﷻ, maka ia merujuk kepada kebesaran maknawi (*kibar maʿnawī*), iaitu kebesaran kemuliaan dan keagungan, dan bukan kebesaran fizikal atau saiz (*kibar ḥissī*). Maha Suci Allah. Begitu juga apabila sifat "*ʿuluww*" atau "tinggi" atau "*fawqiyyah*" atau "di atas" dinisbahkan kepada Allah ﷻ, maka ia merujuk kepada ketinggian atau atas maknawi, iaitu tinggi kemuliaan dan keagungan, dan bukan tinggi fizikal atau tempat (*ʿuluww ḥissī*).

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى:

Dan begitu juga, mustahil ke atas-Nya ﷻ:

أَنْ لَا يَكُونَ قَائِمًا بِنَفْسِهِ،

Untuk tidak berdiri (wujud) dengan diri-Nya sendiri, iaitu:

بِأَنْ يَكُونَ صِفَةً يَقُومُ بِمَحَلٍّ،

Ia adalah sifat (*ʿaraḍ*) yang wujud pada suatu tempat (zat yang lain daripada diri-Nya sendiri),

أَوْ يَحْتَاجُ إِلَى مُخَصِّصٍ.

Atau Ia (Zat-Nya) berhajat kepada *mukhaṣṣiṣ* (penentu bagi sesuatu yang *mumkin*).

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى:

Dan begitu juga, mustahil ke atas-Nya ﷻ,

أَنْ لَا يَكُونَ وَاحِدًا

Untuk tidak bersifat dengan Keesaan,

بِأَنْ يَكُونَ مُرَكَّبًا فِي ذَاتِهِ،

Iaitu, ia merupakan sesuatu yang terhimpun daripada beberapa juzuk pada Zat-nya,

أَوْ يَكُونَ لَهُ مُمَاثِلٌ فِي ذَاتِهِ، أَوْ صِفَاتِهِ،

Atau ada sesuatu yang menyerupai-Nya pada Zat-Nya atau pada Sifat-Nya,

أَوْ يَكُونَ مَعَهُ فِي الْوُجُودِ مُؤَثِّرٌ فِي فِعْلٍ مِنَ الْأَفْعَالِ.

Atau ada bersamanya pada sekalian yang wujud sesuatu yang memberi kesan (*ta'thīr*) pada salah satu perbuatan daripada perbuatan-Nya.

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى :

Dan begitu mustahil ke atas-Nya ﷻ,

الْعَجْزُ عَنْ مُمْكِنٍ مَّا، وَإِيجَادُ شَيْءٍ مِنَ الْعَالَمِ مَعَ كَرَاهَتِهِ لِوُجُودِهِ.

Bersifat lemah daripada menjadikan sesuatu yang *mumkin* (harus wujudnya) dan menjadikan sesuatu daripada sekalian alam (makhluk) sedangkan Ia benci/ tidak mahu wujudnya perkara *mumkin* tersebut.

أَيْ عَدَمِ إِرَادَتِهِ لَهُ تَعَالَى

Iaitu ketiadaan kehendak-Nya bagi perkara tersebut

أَوْ مَعَ الذُّهُولِ، أَوْ الْغَفْلَةِ، أَوْ بِالتَّعْلِيلِ، أَوْ بِالطَّبْعِ.

Atau ada kehendak-Nya bagi perkara tersebut tetapi bersama kelalaian atau kelupaan atau dengan suatu ʿillah[16] atau dengan tabiat[17].

وَكَذَا يَسْتَحِيلُ عَلَيْهِ تَعَالَى:

Dan begitu juga, mustahil ke atas-Nya:

الْجَهْلُ وَمَا فِي مَعْنَاهُ بِمَعْلُومٍ مَّا،

Sifat kejahilan dan apa-apa sepertinya bagi apa jua perkara yang maklum,

وَالْمَوْتُ،

Dan kematian,

وَالصَّمَمُ،

Dan kepekakan,

وَالْعَمَى،

Dan kebutaan,

وَالْبَكَمُ.

---

[16] Wujud sesuatu dengan ʿ*illah* ialah seperti bergeraknya jari dan bergerak cincin yang pada padanya. Wujud sesuatu dengan ʿ*illah* tidak bergantung kepada ketiadaan halangan (*intifā' māniʿ*) dan kewujudan syarat (*wujūd sharṭ*).

[17] Wujud sesuatu dengan tabiat ialah seperti terbakarnya kayu api dengan [tabiat] api [yang membakar]. Jika terdapat halangan seperti basah atau tidak memenuhi syarat seperti api tidak menyentuh kayu api, maka kebakaran tidak berlaku.

Dan kebisuan.

وَأَضْدَادُ الصِّفَاتِ الْـمَعْنَوِيَّةِ وَاضِحَةٌ مِنْ هٰذِهِ.

Dan sifat-sifat yang bertentangan dengan sifat-sifat *maʿnawiyyah* jelas dapat difahami daripada sifat-sifat ini.

5. Sifat Yang Harus bagi Allah

وَأَمَّا الْجَائِزُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى:

Dan manakala sifat yang harus [menurut akal] pada hak Allah ﷻ ialah:

فَفِعْلُ كُلِّ مُمْكِنٍ أَوْ تَرْكُهُ.

Menjadikan setiap sesuatu yang *mumkin* (harus wujudnya) atau tidak menjadikannya.

6. *Burhān* (Dalil Aqlī)[18] bagi Sifat Allah ﷻ

6.1 *Burhān* Sifat Wujud

أَمَّا بُرْهَانُ وُجُودِهِ تَعَالَى:

Manakala bukti wujud-Nya (Allah) ﷻ,

فَحُدُوثُ الْعَالَمِ،

[18] Pengarang mendatangkan dalil akal selepas menyatakan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus pada hak Allah ﷻ bagi menerangkan bahawa keimanan tidak cukup dengan hanya mengetahui sifat-sifat tersebut, tetapi juga dengan mengetahui dalil bagi sifat-sifat tersebut. Terdapat tiga jenis dalil: (i) dalil naqli, (ii) dalil aqli *ijmālī* dan (iii) dalil aqli *tafṣīlī*.

ialah baharunya[19] alam ini,

لِأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مُحْدِثٌ، بَلْ حَدَثَ بِنَفْسِهِ،

Kerana sekiranya jika tidak ada pencipta bagi alam ini, bahkan ia terjadi dengan sendirinya,

لَزِمَ أَنْ يَكُونَ أَحَدُ الْأَمْرَيْنِ الْمُتَسَاوِيَيْنِ مُسَاوِيًا لِصَاحِبِهِ رَاجِحًا عَلَيْهِ بِلَا سَبَبٍ

maka lazimlah salah satu daripada dua perkara yang sama (wujud alam ini dan tiada alam ini) telah menjadi *rājih* (kuat) tanpa sebab (*ijtimāʿ al-mutanāfiyayn*),

وَهُوَ مُحَالٌ.

dan ini adalah perkara yang mustahil.

6.1.1 Dalil Baharunya Alam Ini

وَدَلِيلُ حُدُوثِ الْعَالَمِ

Dan dalil baharunya alam ini adalah

مُلَازَمَتُهُ لِلْأَعْرَاضِ الحَادِثَةِ مِنْ حَرَكَةٍ، أَوْ سُكُونٍ أَوْ غَيْرِهِمَا،

ia sentiasa melazimi sifat-sifat yang baharu daripada pergerakan, diam/ pegun atau selain daripada kedua-duanya

وَمُلَازِمُ الْحَادِثِ حَادِثٌ.

---

[19] Tiga ciri sifat wujud bagi perkara baharu/ alam/ *mumkin*/ makhluk: (1) kewujudannya itu didahului dengan tiada (*ʿadam*), (2) kewujudannya itu perlu kepada yang mewujudkannya (*muḥdith*) dan (3) kewujudannya itu boleh (harus) binasa (*fanā'*).

maka perkara yang melazimi perkara yang baru itu adalah baru.

6.1.2 Dalil Baharunya Sifat Alam Ini

وَدَلِيلُ حُدُوثِ الْأَعْرَاضِ:

Dan dalil bahawa sifat-sifat [alam] ini adalah baharu:

مُشَاهَدَةُ تَغَيُّرِهَا مِنْ عَدَمٍ إِلَى وُجُودٍ، وَمِنْ وُجُودٍ إِلَى عَدَمٍ.

kita dapat menyaksikan perubahannya daripada tiada kepada ada dan daripada ada kepada tiada.

6.2 *Burhān* Sifat *Qidam* (Sedia Ada Tanpa Permulaan)

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْقِدَمِ لَهُ تَعَالَى:

Dan manakala bukti wajibnya sifat *qidam* (sedia ada tanpa permulaan) bagi Allah ﷻ ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ قَدِيمًا، لَكَانَ حَادِثًا فَيَفْتَقِرُ إِلَى مُحْدِثٍ،

Sekiranya Allah ﷻ tidak *qadīm* (sedia ada tanpa permulaan), pastinya ia adalah sesuatu yang baharu dan berhajat kepada sesuatu yang menjadikannya

فَيَلْزَمُ الدَّوْرُ، أَوْ التَّسَلْسُلُ.

maka ini akan menyebabkan berlakunya kitaran [wujud] atau rantaian [wujud tanpa penghujung].

6.3 *Burhān* Sifat *Baqā'* (Kekal Ada Tanpa Pengakhiran)

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْبَقَاءِ لَهُ تَعَالَى:

Dan manakala bukti wajib bagi Allah itu bersifat *baqā'* (kekal ada tanpa pengakhiran) ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ أَمْكَنَ أَنْ يَلْحَقَهُ الْعَدَمُ،

kerana jika Dia (Allah ﷻ) tidak bersifat *baqā'* (kekal ada tanpa pengakhiran), maka Dia boleh menjadi tiada,

لَانْتَفَى عَنْهُ الْقِدَمُ لِكَوْنِ وُجُودِهِ حِينَئِذٍ جَائِزًا لَا وَاجِبًا،

[dan apabila Dia (Allah ﷻ) boleh menjadi tiada,] maka ternafilah daripada zat-Nya itu sifat *qidam* (sedia ada tanpa permulaan) kerana wujud-Nya pada ketika itu adalah wujud yang harus (*mumkin al-wujūd*) dan bukanlah wujud yang wajib (*wājib al-wujūd*),

وَالْجَائِزُ لَا يَكُونُ وُجُودُهُ إِلَّا حَادِثًا،

Dan sesuatu yang harus wujudnya, pasti wujudnya itu adalah wujud yang baru,

كَيْفَ وَقَدْ سَبَقَ قَرِيبًا وُجُوبُ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ ؟!

Bagaimanakah [perkara ini boleh diterima akal sedangkan] bukti sebelum ini telah menunjukkan wajibnya sifat *qidam* (sedia ada tanpa permulaan) dan *baqā'* (kekal ada tanpa pengakhiran) bagi Allah ﷻ.?!

6.4 *Burhān* Sifat *Mukhalafatuh li al-Ḥawādith*

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ مُخَالَفَتِهِ تَعَالَى لِلْحَوَادِثِ:

Dan manakala bukti wajib bagi Allah ﷻ itu “Bersalahan/ berbeza dengan semua perkara yang baharu/ makhluk/ alam” ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ مَاثَلَ شَيْئًا مِنْهَا، لَكَانَ حَادِثًا مِثْلَهَا،

sekiranya Dia (Allah ﷻ) menyamai sesuatu perkara yang baharu, pasti Dia juga perkara yang baru seumpamanya,

وَذٰلِكَ مُحَالٌ لِمَا عَرَفْتَ قَبْلُ مِنْ وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

dan ini adalah mustahil kerana engkau telah mengetahui sebelum ini tentang wajibnya sifat *qidam* (sedia ada tanpa permulaan) dan *baqā’* (kekal ada tanpa pengakhiran) bagi Allah ﷻ.

6.5 *Burhān* Sifat Wujud dengan Sendiri

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوب قِيَامِهِ تَعَالَى بِنَفْسِهِ:

Manakala bukti wajibnya bagi Allah ﷻ untuk “Berdiri/ wujud dengan sendiri-Nya” ialah:

فَلِأَنَّهُ تَعَالَى لَوْ اِحْتَاجَ إِلَى مَحَلٍّ لَكَانَ صِفَةً،

sekiranya Allah ﷻ berhajat kepada *maḥall* (zat yang lain selain zat-Nya), maka Dia adalah sifat [bukan zat],

وَالصِّفَةُ لَا تَتَّصِفُ بِصِفَاتِ الْمَعَانِي، وَلَا الْمَعْنَوِيَّةِ،

Dan suatu sifat itu tidak bersifat dengan sifat-sifat *maʿānī* dan tidak juga bersifat dengan sifat sifat *maʿnawiyyah*

وَمَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ يَجِبُ اتِّصَافُهُ بِهِمَا فَلَيْسَ بِصِفَةٍ.

sedangkan Tuhan kita (Allah ﷻ) itu wajib bersifat dengan kedua-duanya (*maʿānī* dan *maʿnawiyyah*), maka Dia bukanlah suatu sifat.

وَلَوْ اِحْتَاجَ إِلَى مُخَصِّصٍ لَكَانَ حَادِثًا،

Dan sekiranya Dia (Allah ﷻ) berhajat kepada sesuatu *mukhaṣṣiṣ* (*fāʿil* yang mengkhususkan kewujudan-Nya), maka Dia pasti sesuatu yang baharu,

كَيْفَ وَقَدْ قَامَ الْبُرْهَانُ عَلَى وُجُوبِ قِدَمِهِ تَعَالَى وَبَقَائِهِ.

Bagaimanakah [perkara ini boleh diterima akal] sedangkan telah terbukti sebelum ini bahawa wajibnya sifat *qidam* (sedia ada tanpa permulaan) dan *baqā'* (kekal ada tanpa pengakhiran) bagi Allah ﷻ.?!

6.6 *Burhān* Sifat Keesaan

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْوَحْدَانِيَّةِ لَهُ تَعَالَى:

Dan manakala bukti wajib sifat Keesaan bagi Allah ﷻ [pada zat, sifat dan perbuatan] ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ لَمْ يَكُنْ وَاحِدًا لَزِمَ أَنْ لَا يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْعَالَمِ لِلُزُومِ عَجْزِهِ حِينَئِذٍ.

Sekiranya Dia (Allah ﷻ) tidak bersifat dengan Keesaan, maka lazimlah tidak ada sesuatu pun daripada alam ini yang akan wujud, kerana lazimlah kelemahan-Nya daripada menjadikan alam ini [kerana ada tuhan selain-Nya atau ada sesuatu yang bersifat dengan sifat-sifat ketuhanan selain-Nya].

6.7 *Burhān* Sifat Kuasa, Kehendak, Ilmu dan Hidup

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ اتِّصَافِهِ تَعَالَى بِالْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةِ وَالْعِلْمِ وَالْحَيَاةِ:

Dan manakala bukti wajibnya Allah ﷻ bersifat dengan sifat Kuasa, Kehendak, Ilmu dan Hidup ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا وُجِدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ.

sekiranya sesuatu daripada sifat-sifat tersebut itu tidak ada [pada Allah ﷻ], maka tidak akan ada suatu apa pun daripada perkara-perkara baharu (makhluk) yang akan wujud.

6.8 *Burhān* Sifat Mendengar, Melihat dan Kalām

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلَامِ:

Manakala bukti wajibnya Allah ﷻ itu bersifat dengan *sama'* (mendengar), *baṣar* (melihat) dan *kalām* (berkata-kata) ialah:

فَالْكِتَابُ والسُّنَّةُ وَالْإِجْمَاعُ،

Berdasarkan dalil [naqli] Al-Quran, Al-Sunnah dan ijma' para ulama' mujtahid [yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah ﷺ].

وَأَيْضًا لَوْ لَمْ يَتَّصِفْ بِهَا لَزِمَ أَنْ يَتَّصِفَ بِأَضْدَادِهَا، وَهِيَ نَقَائِصُ،

Dan begitu juga [dari sudut dalil aqli], sekiranya Dia (Allah ﷻ) tidak bersifat dengan sifat-sifat ini, pastilah Dia bersifat dengan sifat-sifat yang berlawanan (pekak, buta dan bisu) dan sifat-sifat tersebut adalah sifat-sifat kekurangan,

وَالنَّقْصُ عَلَيْهِ تَعَالَى مُحَالٌ.

Dan [sifat-sifat] kekurangan adalah mustahil bagi Allah ﷻ.

6.9 Burhan Sifat Harus

وَأَمَّا بُرْهَانُ كَوْنِ فِعْلِ الْمُمْكِنَاتِ أَوْ تَرْكِهَا جَائِزًا فِي حَقِّهِ تَعَالَى:

Dan manakala bukti [sifat harus bagi Allah ﷻ iaitu] "melakukan (/menjadikan) sesuatu yang *mumkin* atau pun meninggalkannya (/tidak menjadikannya)" adalah harus pada hak Allah ﷻ ialah:

فَلِأَنَّهُ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلًا، أَوْ اِسْتَحَالَ عَقْلًا لَانْقَلَبَ الْمُمْكِنُ وَاجِبًا أَوْ مُسْتَحِيلًا، وَذٰلِكَ لَا يُعْقَلُ.

sekiranya sesuatu yang *mumkin* dari sudut akal menjadi wajib ke atas-Nya atau menjadi mustahil ke atas-Nya, maka perkara *mumkin* tersebut telah berubah menjadi wajib atau mustahil ke atas-Nya, dan itu adalah perkara yang tidak diterima akal.

7. Para Rasul عليهم السلام

وَأَمَّا الرُّسُلُ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ:

Dan manakala berkenaan dengan para Rasul – Selawat dan salam buat mereka:

7.1 Sifat Wajib bagi Para Rasul عليهم السلام

فَيَجِبُ فِي حَقِّهِمْ:

Maka wajib pada hak mereka itu sifat-sifat berikut:

الصِّدْقُ .

[1] Benar[20]

وَالْأَمَانَةُ .

[2] Amanah[21]

وَتَبْلِيغُ مَا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ.

[3] Dan menyampaikan perkara yang mereka telah diperintahkan untuk menyampaikannnya kepada makhluk.

7.2 Sifat Mustahil bagi Para Rasul

وَيَسْتَحِيلُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ أَضْدَادُ هٰذِهِ الصِّفَاتِ، وَهِيَ:

Dan mustahil pada hak mereka عليهم السلام itu lawan bagi sifat-sifat tersebut iaitu:

الْكَذِبُ

[1] Dusta/ Bohong

وَالْخِيَانَةُ بِفِعْلِ شَيْءٍ مِمَّا نُهُوا نَهْيَ تَحْرِيمٍ أَوْ كَرَاهَةٍ.

[2] Khianat iaitu dengan melakukan sesuatu perkara yang mereka dilarang melakukannya sama ada haram atau makruh.

---

[20] Benar pada dakwaan bahawa mereka adalah utusan Allah ﷻ dan benar pada apa yang mereka sampaikan daripada Allah ﷻ.

[21] Maksud di sini ialah terpelihara (*ʿiṣmah*): mereka terpelihara pada zahir dan batin mereka daripada melakukan maksiat.

أَوْ كِتْمَانُ شَيْءٍ مِمَّا أُمِرُوا بِتَبْلِيغِهِ لِلْخَلْقِ.

[3] Menyembunyikan suatu perkara yang mereka diperintahkan untuk menyampaikannya kepada para makhluk[22].

7.3 Sifat Harus bagi Para Rasul

وَيَجُوزُ فِي حَقِّهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ

Dan harus pada hak mereka عليهم السلام - Selawat dan salam buat mereka:

مَا هُوَ مِنَ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ الَّتِي لَا تُؤَدِّي إِلَى نَقْصٍ فِي مَرَاتِبِهِمِ الْعَلِيَّةِ ؛ كَالْمَرَضِ وَنَحْوِهِ.

Suatu perkara daripada sifat-sifat kemanusian yang tidak membawa kepada kekurangan pada martabat mereka yang tinggi seperti sakit dan seumpamanya.

8. Burhān

8.1 *Burhān* Sifat Benar

أَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ صِدْقِهِمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ:

Bukti bagi kewajipan sifat benar pada diri mereka ialah:

---

[22] "Penambahan *faṭānah* muncul dalam kitab *Kifayah Al-'Awam* karangan Muhammad Bin Al-Fadhali (wafat 1236H/1821M). Salah seorang muridnya, Ibrahim Bajuri, menulis syarah atas kitab ini berjudul *Tahqiq Al Maqam ala Kifayah Al 'Awam*. Syarah kitab tersebut juga dihasyiyahkan Syekh Nawawi Al Bantani dalam kitab *Tijan Ad-Daraari*. Dengan demikian, sejak abad ke-19, para ulama memperkenalkan sifat Rasul menjadi empat, yaitu *siddiq*, amanah, tabligh, dan *faṭānah* (SATF)." Sumber: http://angahsunan.blogspot.com.

فَلِأَنَّهُمْ لَوْ لَمْ يَصْدُقُوا، لَلَزِمَ الْكَذِبُ فِي خَبَرِهِ تَعَالَى لِتَصْدِيقِهِ تَعَالَى لَهُمْ بِالْمُعْجزَةِ النَّازِلَةِ مَنْزِلَةَ قَوْلِهِ تَعَالَى: ﴿ صَدَقَ عَبْدِي فِي كُلِّ مَا يُبَلِّغُ عَنِّي ﴾

Sekiranya mereka tidak bersikap benar, maka lazimlah dusta pada wahyu Allah ﷻ kerana Dia membenarkan mereka dengan mukjizat yang turun seperti firman-Nya (hadith qudsi): "Benarlah hamba-Ku pada setiap perkara yang dia sampaikannya daripada-Ku."

8.2 *Burhān* Sifat Amanah

وَأَمَّا بُرْهَانُ وُجُوبِ الْأَمَانَةِ لَهُمْ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَّالسَّلَامُ:

Dan manakalah bukti kewajipan sifat amanah pada diri mereka – Selawat dan salam buat mereka ialah:

فَلِأَنَّهُمْ لَوْ خَانُوا بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ، أَوْ مَكْرُوهٍ، لَانْقَلَبَ الْمُحَرَّمُ أَوِ الْمَكْرُوهُ طَاعَةً فِي حَقِّهِمْ،

Sekiranya mereka melakukan pengkhianatan dengan melakukan perbuatan yang haram atau makruh, maka perkara haram dan makruh tersebut akan bertukar menjadi ketaatan pada hak mereka.

لِأَنَّ اللهَ تَعَالَى أَمَرَنَا بِالْاِقْتِدَاءِ بِهِمْ فِي أَقْوَالِهِمْ وَأَفْعَالِهِمْ، وَلَا يَأْمُرُ اللهُ تَعَالَى بِفِعْلِ مُحَرَّمٍ وَلَا مَكْرُوهٍ.

Kerana sesungguhnya Allah ﷻ telah memerintahkan kita untuk meneladani mereka pada perkataan dan perbuatan mereka sedangkan Allah ﷻ tidak memerintahkan kita untuk melakukan perbuatan haram dan makruh, [maka berlakulah pertentangan di antara dua perintah Allah ﷻ, dan ini adalah mustahil].

8.3 *Burhān* Sifat Tabligh

وَهٰذَا بِعَيْنِهِ هُوَ بُرْهَانُ وُجُوبِ الثَّالِثِ.

Dan ini juga adalah merupakan bukti wajibnya sifat ketiga (tabligh) pada hak para Rasul عليهم السلام.[23]

8.4 Dalil Sifat Harus

وَأَمَّا دَلِيلُ جَوَازِ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ :

Dan manakala dalil bagi harusnya sifat-sifat kemanusiaan berlaku ke atas para rasul عليهم السلام adalah:

فَمُشَاهَدَةُ وُقُوعِهَا بِهِمْ:

kita dapat melihat perkara tersebut berlaku pada mereka:

إِمَّا لِتَعْظِيمِ أُجُورِهِمْ،

ia berlaku sama ada untuk membesarkan ganjaran pahala mereka;

أَوْ لِلتَّشْرِيعِ،

atau untuk menjadi satu [sebab] pensyariatan;

أَوْ لِلتَّسَلِّي عَنِ الدُّنْيَا،

atau untuk merehatkan/ menjauhkan mereka daripada dunia;

---

[23] Ini bermaksud bahawa jika mereka tidak menyampaikan perkara yang diperintahkan oleh Allah ﷻ, maka mereka telah melakukan khianat dan sifat khianat itu mustahil bagi mereka.

أَوْ لِلتَّنْبِيهِ لِخِسَّةِ قَدْرِهَا عِنْدَ اللهِ تَعَالَى.

atau untuk memberi perhatian tentang rendahnya nilai dunia di sisi Allah ﷻ;

وَعَدَمِ رِضَاهُ بِهَا دَارَ جَزَاءٍ لِأَنْبِيَائِهِ وَأَوْلِيَائِهِ بِاعْتِبَارِ أَحْوَالِهِمْ فِيهَا عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

dan betapa Allah ﷻ tidak meredai dunia ini sebagai tempat untuk ganjaran bagi para nabi-Nya dan para wali-Nya berdasarkan hal keadaan yang mereka lalui di dalamnya - Selawat dan salam ke atas mereka.

9. Dua Kalimah Syahadah

وَيَجْمَعُ مَعَانِيَ هٰذِهِ الْعَقَائِدِ كُلِّهَا قَوْلُ:

Dan makna bagi akidah-akidah ini keseluruhannya terhimpun pada kata-kata:

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ، مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ

"Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, [Nabi] Muhammad [ﷺ] adalah utusan Allah."

10. Makna *Ulūhiyyah*: *Istighnā'* dan *Iftiqār*

إِذْ مَعْنَى الْأُلُوهِيَّةِ:

Ini adalah kerana makna *ulūhiyyah* (ketuhanan) ialah:

اِسْتِغْنَاءُ الْإِلٰهِ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَافْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ.

“Maha Kaya/ Terkaya/Tidak berhajat Tuhan kepada tiap-tiap sesuatu selain-Nya dan berhajat tiap-tiap sesuatu selain-Nya kepada-Nya.”

فَمَعْنى لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ:

Dan makna “Tiada tuhan melainkan Allah” ialah:

لَا مُسْتَغْنِيَ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ، وَمُفْتَقِرًا إِلَيْهِ كُلُّ مَا عَدَاهُ إِلَّا اللهُ تَعَالَى.

“Tidak ada yang Maha Kaya/ Terkaya daripada segala sesuatu selain-Nya dan berhajat segala sesuatu selain-Nya kepada-Nya melainkan Allah ﷻ.”

10.1 *Istighnā’* dan Tuntutannya

أَمَّا اسْتِغْنَاؤُهُ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ،

Manakala makna *istighnā’* Allah ﷻ daripada setiap sesuatu selain-Nya:

10.1.1 Sifat *Wujūd*, *Qidam*, *Baqā’*, *al-Mukhālafah li al-Ḥawādith*, *al-Qiyam bi al-Nafs* dan *Tanzīh*

فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى:

Maka ia mewajibkan bagi Allah ﷻ, sifat-sifat berikut:

الْوُجُودَ، وَالْقِدَمَ، وَالْبَقَاءَ، وَالْمُخَالَفَةَ لِلْحَوَادِثِ، وَالْقِيَامَ بِالنَّفْسِ، وَالتَّنَزُّهَ عَنِ النَّقَائِصِ.

1. Wujud
2. Sediakala/ Sedia ada

3. Kekal ada
4. Berbeza/ bersalahan dengan perkara baharu/ makhluk
5. Berdiri (/wujud) dengan sendiri-Nya
6. Maha Suci daripada segala kekurangan

10.1.2 Sifat *Sama'*, *Baṣar* dan *Kalām*

وَيَدْخُلُ فِي ذٰلِكَ

Dan termasuk di dalam makna *istighnā'* ini ialah:

وُجُوبُ السَّمْعِ لَهُ تَعَالَى وَالْبَصَرِ وَالْكَلاَمِ،

wajib bagi Allah sifat *samā'*, *baṣar* dan *kalām*.

إِذْ لَوْ لَمْ تَجِبْ لَهُ هٰذِهِ الصِّفَاتُ لكَانَ مُحْتَاجًا إِلَى الْمُحْدِثِ، أَوِ الْمَحَلِّ، أَوْ مَنْ يَدْفَعُ عَنْهُ النَّقَائِصَ.

Ini adalah kerana jika sifat-sifat ini tidak wajib bagi-Nya, maka Ia pasti berhajat kepada pencipta, atau zat, atau sesiapa yang menolak kekurangan ini pada diri-Nya.

10.1.3 Maha Suci daripada Tujuan Mengambil Manfaat

وَيُؤْخذُ مِنْهُ:

Dan diambil daripada makna *istighnā'* ini juga:

تَنَزُّهُهُ تَعَالَى عَنِ الْأَغْرَاضِ فِي أَفْعَالِهِ وَأَحْكَامِهِ،

Maha Suci Allah ﷻ daripada mempunyai tujuan (/hajat/manfaat yang dikehendaki) pada perbuatan-Nya dan hukum-Nya.

وَإِلَّا لَزِمَ افْتِقَارُهُ إِلَى مَا يُحَصِّلُ غَرَضَهُ، كَيْفَ وَهُوَ جَلَّ وَعَزَّ الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ !؟

Jika ini tidak wajib bagi-Nya, maka sudah pasti Ia akan berhajat kepada sesuatu yang menghasilkan bagi-Nya tujuan-Nya, bagaimana ini boleh diterima akal? Sedangkan Allah ﷻ Maha Kaya dan tidak berhajat kepada setiap sesuatu selain-Nya.

10.1.4 Tidak Wajib ke atas-Nya Menjadikan Sesuatu Yang *Mumkin* atau Tidak Menjadikannya

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا:

Dan diambil daripada makna *istighnā'* ini juga:

أَنَّهُ لَا يَجِبُ عَلَيْهِ تَعَالَى فِعْلُ شَيْءٍ مِنَ الْمُمْكِنَاتِ عَقْلًا وَلَا تَرْكُهُ،

Bahawa sesungguhnya tidak wajib ke atas Allah ﷻ untuk melakukan sesuatu daripada perkara yang *mumkin* dari sudut akal dan begitu juga tidak wajib ke atas-Nya untuk meninggalkannya (tidak melakukannya).

إِذْ لَوْ وَجَبَ عَلَيْهِ تَعَالَى شَيْءٌ مِنْهَا عَقْلًا كَالثَّوَابِ مَثَلًا، لَكَانَ جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا إِلَى ذٰلِكَ الشَّيْءِ لِيَتَكَمَّلَ بِهِ غَرَضُهُ،

Ini adalah kerana sekiranya ia menjadi wajib ke atas-Nya daripada perkara *mumkināt* dari sudut akal seperti pahala, maka pastinya Allah ﷻ berhajat kepada perkara tersebut bagi menghasilkan tujuan-Nya.

إِذْ لَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى إِلَّا مَا هُوَ كَمَالٌ لَهُ، كَيْفَ وَهُوَ جَلَّ وَعَزَّ الْغَنِيُّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ ؟!.

Dan apabila tidak wajib bagi hak Allah ﷻ sesuatu apa pun melainkan apa yang merupakan kesempurnaan bagi-Nya, bagaimana ini boleh diterima akal? Sedangkan Allah ﷻ Maha Kaya dan tidak berhajat kepada setiap sesuatu selain-Nya.

10.2 *Iftiqār* dan Tuntutannya

وَأَمَّا افْتِقَارُ كُلِّ مَا عَدَاهُ إِلَيْهِ جَلَّ وَعَزَّ

Dan manakala *iftiqār* (kefakiran) setiap sesuatu selain-Nya kepada-Nya ﷻ,

10.2.1 Sifat *Ḥayāh*, *Qudrah* dan *Irādah*

فَهُوَ يُوجِبُ لَهُ تَعَالَى الْحَيَاةَ، وَعُمُومَ الْقُدْرَةِ وَالْإِرَادَةِ وَالْعِلْمِ،

Maka ia mewajibkan bagi Allah ﷻ:

1. Hidup
2. *Qudrah* (Kuasa),
3. *Irādah* (Kehendak) dan
4. Ilmu.

إِذْ لَوْ انْتَفَى شَيْءٌ مِنْهَا لَمَا أَمْكَنَ أَنْ يُوجَدَ شَيْءٌ مِنَ الْحَوَادِثِ، فَلَا يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ شَيْءٌ،

Kerana jika ada yang lenyap daripada sifat-sifat ini, maka Allah ﷻ tidak akan mampu untuk mewujudkan sesuatu yang baharu. Dan dengan ini, tidak ada sesuatu apa pun yang berhajat kepada-Nya.

كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ ؟!

Bagaimana ini boleh diterima akal?, sedangkan Dia itu adalah [Tuhan] yang berhajat kepada-Nya tiap-tiap satu selain-Nya [dan Dia tidak berhajat kepada setiap sesuatu selain-Nya].

10.2.2 Sifat *Waḥdāniyyah*

وَيُوجِبُ لَهُ تَعَالَى أَيْضًا:

Dan prinsip ini juga mewajibkan [pada akal] bagi Allah ﷻ:

الْوَحْدَانِيَّةَ،

sifat Waḥdāniyyah (Keesaan).

إِذْ لَوْ كَانَ مَعَهُ ثَانٍ فِي الْأُلُوهِيَّةِ لَـمَا افْتَقَرَ إِلَيْهِ شَيْءٌ لِلُزُومِ عَجْزِهِمَا حِينَئِذٍ،

Ini adalah sekiranya ada bersama-Nya pihak kedua pada ketuhanan, maka tidak ada sesuatu pun yang berhajat kepada-Nya kerana kedua-duanya adalah lemah pada ketika tersebut,

كَيْفَ وَهُوَ الذَّي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كَلُّ مَا سِوَاهُ ؟!

Bagaimana [ini boleh diterima akal]?, sedangkan Dia itu adalah [Tuhan] yang berhajat kepada-Nya tiap-tiap satu selain-Nya [dan Dia tidak berhajat kepada setiap sesuatu selain-Nya].

10.2.3 Baharunya Alam Ini

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا:

Dan diambil juga daripada prinsip "*iftiqār* setiap selain-Nya kepada-Nya":

حُدُوثُ الْعَالَمِ بِأَسْرِهِ،

Baharunya seluruh alam ini.

إِذْ لَوْ كَانَ شَيْءٌ مِنْهُ قَدِيمًا، لَكَانَ ذٰلِكَ الشَّيْءُ مُسْتَغْنِيًا عَنْهُ تَعَالَى،

Ini adalah sekiranya ada sesuatu daripada alam ini yang bersifat *qadīm*, maka pasti perkara tersebut tidak berhajat kepada Allah ﷻ,

كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَجِبُ أَنْ يَفتَقِرَ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ ؟!

Bagaimana [ini boleh diterima akal]?, sedangkan Dia itu adalah [Tuhan] yang wajib berhajat kepada-Nya tiap-tiap satu selain-Nya [dan Dia tidak berhajat kepada setiap sesuatu selain-Nya].

10.2.4 Tiada *Ta'thīr* (Memberi Bekas/Kesan) Melainkan bagi Allah

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ أَيْضًا:

Dan diambil juga daripada makna "*iftiqār* selain-Nya kepada-Nya" juga:

أَنَّهُ لَا تَأْثِيرَ لِشَيْءٍ مِنَ الْكَائِنَاتِ فِي أَثَرٍ مَا،

Bahawa sesungguhnya tidak ada *ta'thīr* (/perbuatan yang memberi bekas/kesan) bagi sesuatu apa pun daripada makhluk pada sesuatu kesan apa pun,

وَإِلَّا لَزِمَ أَنْ يَسْتَغْنِيَ ذٰلِكَ الْأَثَرُ عَنْ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ،

Dan jika tidak, maka lazimlah kesan/bekas itu tidak berhajat kepada Tuhan kita [Allah] ﷻ.

كَيْفَ وَهُوَ الَّذِي يَفْتَقِرُ إِلَيْهِ كُلُّ مَا سِوَاهُ عُمُومًا وَعَلَى كُلِّ حَالٍ ؟!،

Bagaimanakah ini boleh diterima?! [Ia sama sekali tidak boleh diterima kerana] Dia adalah [Tuhan] yang berhajat setiap sesuatu selain-Nya kepada-Nya keseluruhannya dan atas apa jua keadaan sekali pun,

هٰذَا إِنْ قَدَّرْتَ أَنَّ شَيْئًا مِنَ الْكَائِنَاتِ يُؤَثِّرُ بِطَبْعِهِ،

Ini adalah sekiranya engkau menganggap bahawa ada sesuatu daripada makhluk yang memberi kesan dengan tabiatnya [dan ini adalah mustahil].

وَأَمَّا إِنْ قَدَّرْتَهُ مُؤَثِّرًا بِقُوَّةٍ جَعَلَهَا اللهُ فِيهِ كَمَا يَزْعُمُهُ كَثِيرٌ مِنَ الْجَهَلَةِ فَذٰلِكَ مُحَالٌ أَيْضًا،

Dan sekiranya engkau menganggap bahawa ia (makhluk) memberi bekas/kesan dengan kekuatan yang telah diciptakan oleh Allah ﷻ sepertimana ramai daripada kalangan orang-orang jahil yang beranggapan sedemikian, maka ia adalah suatu yang mustahil juga,

لِأَنَّهُ يَصِيرُ حِينَئِذٍ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ مُفْتَقِرًا فِي إِيجَادِ بَعْضِ الْأَفْعَالِ إِلَى وَاسِطَةٍ،

Kerana dengan tanggapan sebegitu, maka ia menjadikan Tuhan kita [Allah] ﷻ berhajat kepada penciptaan perantara (*wāsiṭah*) untuk mencipta sebahagian daripada perbuatan-Nya,

وَذٰلِكَ بَاطِلٌ لِمَا عَرَفْتَ مِنْ وُجُوبِ اسْتِغْنَائِهِ جَلَّ وَعَزَّ عَنْ كُلِّ مَا سِوَاهُ.

Dan itu adalah tanggapan yang batil dengan hakikat yang telah engkau ketahui tentang kewajipan *istighnā'* (tidak berhajat) Allah kepada sesuatu apa pun selain-Nya.

11. Kesimpulan Makna Syahadah Tauhid

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ قَوْلِ: ﴿لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ﴾ لِلْأَقْسَامِ الثَّلَاثَةِ التَّي يَجِبُ عَلَى الْـمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهَا فِي حَقِّ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ، وَهِيَ:

Maka telah jelas bagi kamu [makna] kandungan kata-kata: "Tiada Tuhan melainkan Allah," bagi ketiga-tiga bahagian (wajib, mustahil dan harus) yang wajib ke atas mukallaf untuk mengetahuinya berkenaan hak Allah ﷻ dan ia adalah:

مَا يَجِبُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى، وَمَا يَسْتَحِيلُ، وَمَا يَجُوزُ.

Apa yang wajib bagi Allah ﷻ, apa yang mustahil bagi-Nya dan apa yang harus bagi-Nya.

12. Makna Syahadah *Taṣdīq*

وَأَمَّا قَوْلُنَا: ﴿مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ ﷺ﴾

Dan manakala ucapan kita: "[Nabi] Muhammad ﷺ adalah utusan Allah":

12.1 Mewajibkan Keimanan dengan Para Nabi, Malaikat, Kitab dan Hari Akhirat

فَيَدْخُلُ الْإِيمَانُ بِالْأَنْبِيَاءِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكُتُبِ السَّمَاوِيَّةِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، لِأَنَّهُ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ جَاءَ بِتَصْدِيقِ جَمِيعِ ذٰلِكَ كُلِّهِ.

Maka termasuk di dalamnya keimanan dengan para Nabi عليهم السلام, para malaikat, kitab-kitab samawi dan hari Akhirat kerana Rasulullah ﷺ telah datang membenarkan semua perkara tersebut setiap satu.

12.2 Kewajipan Sifat Benar, Kemustahilan Sifat Dusta dan Khianat serta Maksiat

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ:

Dan diambil daripada ucapan kita: "[Nabi] Muhammad ﷺ ialah utusan Allah":

وُجُوبُ صِدْقِ الرُّسُلِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Kewajipan sifat benar pada para rasul – Selawat dan salam ke atas mereka semua.

وَاسْتِحَالَةُ الْكَذِبِ عَلَيْهِمْ،

Kemustahilan sifat dusta pada mereka,

وَإِلَّا لَمْ يَكُونُوا رُسُلًا أُمَنَاءَ لِمَوْلَانَا الْعَالِمِ بِالْخَفِيَّاتِ جَلَّ وَعَزَّ.

Kerana sekiranya tidak begitu, maka para rasul عليهم السلام bukanlah orang-orang yang amanah kepada Tuhan kita [Allah سبحانه وتعالى] yang Maha Mengetahui segala perkara yang tersembunyi جل وعز.

وَاسْتِحَالَةُ فِعْلِ الْمَنْهِيَّاتِ كُلِّهَا

dan kemustahilan bagi mereka untuk melakukan perkara-perkara yang telah dilarang kesemuanya oleh Allah سبحانه وتعالى,

لِأَنَّهُمْ أُرْسِلُوا لِيُعَلِّمُوا النَّاسَ بِأَقْوَالِهِمْ، وَأَفْعَالِهِمْ وَسُكُوتِهِمْ،

kerana mereka semua diutuskan untuk mengajar manusia dengan perkataan mereka, perbuatan mereka dan diam mereka,

فَيَلْزَمُ أَنْ لَا يَكُونَ فِي جَمِيعِهَا مُخَالَفَةٌ لِأَمْرِ مَوْلَانَا جَلَّ وَعَزَّ الَّذِي اِخْتَارَهُمْ عَلَى جَمِيعِ خَلْقِهِ وَآمَنَهُمْ عَلَى سِرِّ وَحْيِهِ.

Maka lazimlah tidak boleh ada sebarang pertentangan dalam semua tindak tanduk mereka terhadap perintah Tuhan kita [Allah ﷻ] yang telah memilih mereka daripada kalangan seluruh makhluk-Nya dan mempercayai (/memberi amanah kepada) mereka bagi kerahsiaan wahyu-Nya.

12.3 Keharusan Sifat Kemanusiaan

وَيُؤْخَذُ مِنْهُ:

Dan diambil juga daripada ucapan kita "[Nabi] Muhammad ﷺ ialah utusan Allah":

جَوَازُ الْأَعْرَاضِ الْبَشَرِيَّةِ عَلَيْهِمْ،

Keharusan sifat-sifat kemanusiaan pada diri mereka,

إِذْ ذَاكَ لَا يَقْدَحُ فِي رِسَالَتِهِمْ، وَعُلُوِّ مَنْزِلَتِهِمْ عِنْدَ اللهِ تَعَالَى، بَلْ ذَاكَ مِمَّا يَزِيدُ فِيهَا.

Kerana ia tidak merosakkan kerasulan mereka dan ketinggian kedudukan mereka di sisi Allah ﷻ, bahkan ia menambahkan kemuliaan mereka di sisi Allah ﷻ.

13. Dua Kalimah Syahadah Mengandungi Simpulan-simpulan (*ʿAqā'id*) Iman

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضَمُّنُ كَلِمَتَيِ الشَّهَادَةِ مَعَ قِلَّةِ حُرُوفِهَا

Sesungguhnya telah nyata bagimu makna yang dikandung oleh kedua-dua kalimah Syahadah ini walaupun huruf-hurufnya itu sedikit,

لِجَمِيعِ مَا يَجِبُ عَلَى الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهُ مِنْ عَقَائِدِ الْإِيمَانِ

Bagi semua yang wajib ke atas mukallaf untuk mengetahuinya daripada simpulan-simpulan iman (ʿaqā'id al-īmān),

فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَفِي حَقِّ رُسُلِهِ – عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Pada hak Allah ﷻ dan pada hak para Rasul-Nya – Selawat dan salam ke atas mereka,

وَلَعَلَّهَا لِاخْتِصَارِهَا مَعَ اشْتِمَالِهَا عَلَى مَا ذَكَرْنَاهُ

Dan barangkali kerana ringkasnya kalimah ini dan kesempurnaan liputan maknanya bagi apa yang telah kami nyatakan,

جَعَلَهَا الشَّرْعُ تَرْجَمَةً عَلَى مَا فِي الْقَلْبِ مِنَ الْإِسْلَامِ،

Maka Syariat menjadikan kalimah ini sebagai terjemahan terhadap apa yang ada di dalam hati [seseorang] daripada keislaman [dan keimanan],

وَلَمْ يَقْبَلْ مِنْ أَحَدٍ الْإِيمَانَ إِلَّا بِهَا.

Dan Syariat tidak menerima keimanan daripada seseorang melainkan dengannya (persaksian dua kalimah Syahadah ini).

14. Memperbanyakkan Zikir Tahlil dan *Taṣdīq*

فَعَلَى الْعَاقِلِ أَنْ يُكْثِرَ مِنْ ذِكْرِهَا

Maka hendaklah orang yang berakal itu memperbanyakkan menyebutnya/ berzikir dengannya:

مُسْتَحْضِرًا لِمَا احْتَوَتْ عَلَيْهِ مِنْ عَقَائِدِ الْإِيمَانِ.

Dalam keadaan menghadirkan makna-makna yang terkandung di dalamnya daripada simpulan simpulan iman,

حَتَّى تَمْتَزِجَ مَعَ مَعْنَاهَا بِلَحْمِهِ وَدَمِهِ.

sehingga bersebati kalimah ini bersama maknanya dengan dagingnya dan darahnya,

فَإِنَّهُ يَرَى لَهَا مِنَ الْأَسْرَارِ وَالْعَجَائِبِ إِنْ شَاءَ اللهُ تَعَالَى مَالَا يَدْخُلُ تَحْتَ حَصْرٍ.

dengan itu, dia akan melihat bagi kalimah ini rahsia-rahsia dan keajaiban-keajaiban yang tidak dapat dihitung - sekiranya Allah ﷻ mengkehendaki [perkara tersebut].[24]

15. Penutup

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ لَا رَبَّ غَيْرُهُ، وَلَا مَعْبُودَ سِوَاهُ.

Dan dengan Allah sahajalah taufik [untuk melakukan ketaatan]; tiada Tuhan selain-Nya; dan tiada yang berhak disembah selain-Nya.

---

[24] Kurniaan-kurniaan Allah ﷻ yang menghias diri rohaninya dengan pelbagai bentuk makrifat dan sifat-sifat terpuji seperti zuhud, tawakal, *ḥayā'* (menjaga maruah), merasa keagungan Allah ﷻ dan tidak bergantung hajat dan harap kepada makhluk-Nya.

نَسْأَلُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَنْ يَجْعَلَنَا وَأَحِبَّتَنَا عِنْدَ الْمَوْتِ نَاطِقِينَ بِكَلِمَةِ الشَّهَادَةِ عَالِمِينَ بِهَا.

Kita memohon daripada-Nya agar Dia menjadikan kita dan orang-orang yang kita cintai ketika menghadapi kematian kelak dari kalangan orang-orang yang dapat mengucapkan kalimah Syahadah ini dalam keadaan mengetahui makna-maknanya.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كُلَّمَا ذَكَرَهُ الذَّاكِرُونَ، وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُونَ.

Dan semoga Allah ﷻ berselawat (mengurniakan rahmat bersama penghormatan) ke atas Sayyidina Muhammad ﷺ pada setiap kali orang-orang yang berzikir mengingati-Nya dan orang-orang yang lalai itu lalai daripada mengingati-Nya,

وَرَضِيَ اللهُ عَنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ أَجْمَعِينَ وَالتَّابِعِين لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Dan semoga Allah ﷻ meredai para sahabat Rasulullah ﷺ kesemuanya dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan ihsan sehingga ke hari pembalasan.

وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ.

Dan sejahteralah ke atas para Rasul yang diutuskan [عليهم السلام],

وَالْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Dan segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam.

Faedah Tambahan: Memperkuatkan Iman dengan Memperbanyakkan Zikrullah

Zikir kepada Allah merupakan sokongan kepada dua kalimah Syahadah (syahadah Tauhid dan syahadah *Taṣdīq*) yang menjadi asas keimanan dan keislaman seseorang. Sebagaimana solat fardu disokong oleh solat-solat sunat, zakat disokong oleh sedekah, puasa fardu disokong oleh puasa sunat, dan haji disokong oleh umrah; maka dua kalimah Syahadah disokong dengan amalan zikrullah. (Rujuk gambar rajah di bawah).



Zikrullah ialah amalan yang paling mulia secara umum di dalam Islam. Para ulama' Tasawwuf telah bersepakat bahawa zikrullah adalah jalan yang paling penting dan utama bagi mendekatkan diri seseorang kepada Allah ﷻ. Ia juga adalah jalan yang berkesan bagi memperbaiki diri dan jiwa seorang hamba. Berzikir adalah asas bagi mencapai ketenangan hati atau jiwa yang *muṭma'innah*. Oleh kerana itulah maka Imam al-Sanūsī menutup risalah akidahnya ini dengan anjuran memperbanyakkan zikrullah.

Anjuran ini adalah bersesuian dengan perintah Rasulullah ﷺ untuk kita memperbanyakkan zikir kalimah tahlil ini. Sayyidina Abu Hurayrah رضي الله عنه telah meriwayatkan bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: ((جَدِّدُوا إِيمَانَكُم))، قِيلَ: يَا رَسُولَ اللهِ، وَكَيْفَ نُجَدِّدُ إِيمَانَنَا؟ قَالَ: ((أَكْثِرُوا مِنْ قَوْلِ: لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ))

Sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda: "**Perbaharuilah iman kamu**."

Baginda ﷺ ditanya: "Wahai Rasulullah, bagaimanakah kami dapat memperbaharui iman kami?."

Baginda ﷺ bersabda: "Perbanyakkanlah menyebut [zikir tahlil]:

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ

Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah."

T: (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 8493 [Lafaz di atas]; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 7722 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الإِسْنَادِ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ); (Abū Nuʿaym al-Asbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyāʾ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāʾ), No. 2826; (Ibn al-Banna al-Baghdadi (471H): Fada'il al-Tahlil wa Thawabuh al-Jalil) dan lain-lain. S: Ibnu ʿAbbas رضي الله عنهما. [Status: Hasan]

*(al-Mundhirī (656H): al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Ḥadīth al-Sharīf), No. 2352 dan beliau berkata: (رَوَاهُ أَحْمد وَالطَّبَرَانِيّ وَإِسْنَاد أَحْمد حسن).

*(al-ʿAjlūnī (1162H): Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās), No. 1068 dan beliau berkata: (رواه أحمد والحاكم والنسائي والطبراني بسند حسن عن أبي هريرة –رضي الله عنه-.).

*(al-Haythamī (807H): Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 159 dan beliau berkata: (رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَإِسْنَادُهُ جَيِّدٌ، وَفِيهِ سُمَيْرُ بْنُ نَهَارٍ وَثَّقَهُ ابْنُ حِبَّانَ).

BEBERAPA KONSEP PENTING

1: Tiga Jenis Hukum dan Pembahagiannya



2: Akidah/ Iman: Ijmālī dan Tafṣīlī

Iman Ijmālī merujuk kepada keimanan secara umum bagi sesuatu rukun iman dan Iman Tafṣīlī merujuk kepada keimanan secara terperinci bagi sesuatu rukun iman. Iman Ijmālī dan Iman Tafṣīlī berlaku bagi setiap satu daripada rukun-rukun iman yang enam. Jadual di bawah menunjukkan contoh perbezaan di antara Iman Ijmālī dan Iman Tafṣīlī berkenaan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah.

Bil	Bentuk Akidah Yang Wajib	Penerangan
1.	Akidah Secara Ijmālī	Allah ﷻ Maha Suci daripada segala kekurangan dan Allah ﷻ bersifat dengan segala sifat-sifat *Kamāl* (kesempurnaan), *Jamāl* (Keindahan) & *Jalāl* (Keagungan); Dan harus bagi Allah menjadikan atau mentiadakan sesuatu yang *mumkin*. Hanya Allah yang mengetahui sifat-sifat ini kerana hakikatnya tiada yang mengetahui Allah melainkan Allah.
2.	Akidah Secara Tafṣīlī	Sifat-sifat yang wajib: 20 sifat Sifat-sifat yang mustahil: 20 sifat Sifat yang harus: 1 sifat Kesemuanya adalah 41 Sifat (Wajib + Mustahil + Harus) yang wajib diketahui.

3: Empat Pembahagian Sifat 20

Kategori Sifat	Sifat	Penerangan
Nafsiyyah	Wujud	Hal yang wajib bagi zat atau zat itu sendiri
Salbiyyah	Sedia ada, Kekal ada, Bersalahan/ berbeza dengan perkara baru/ makhluk, Berdiri/ Wujud dengan Diri Sendiri dan Esa	Menafikan sifat-sifat kekurangan yang tidak layak bagi Allah
Maʿānī	Kuasa, Kehendak, Ilmu, Hidup, Mendengar, Melihat dan Berkata-kata	Sifat-sifat wujūdī pada zat Ia bukan zat [dari sudut makna] dan ia bukan selain zat [dari sudut wujud] (لَا هِيَ هُوَ وَلَا هِيَ غَيْرُهُ)
Maʿnawiyyah	Hal keadaan Allah ﷻ itu Maha Berkuasa, Berkehendak, Mengetahui, Hidup, Mendengar, Melihat dan Berkata-kata.	Lazim bagi sifat *maʿānī* Hal keadaan (suatu di antara *wujūd* dan *ʿadam*)

4: Sifat *Salbiyyah*

Sifat *salbiyyah* adalah sifat yang menunjukkan ketiadaan (ʿ*adam*) sifat yang tidak layak bagi Allah. Oleh kerana itu sifat-sifat ini tidak dinamakan sebagai sifat-sifat wujūdī atau maʿānī.

Bil.	Sifat *Salbiyyah*	Makna Ketiadaan (*ʿAdam*) Yang Dimaksudkan
1.	*Qidam*	Tiada permulaan bagi Allah
2.	*Baqā'*	Tiada pengakhiran atau kebinasaan bagi Allah
3.	*Mukhālafatuhu li al-ḥawādith*	Tiada sesuatu yang menyerupai Allah dari segala sudut
4.	*Qiyāmuhu bi nafsih*	Tidak berhajat kepada zat (*maḥall*) yang lain atau pencipta (*mukhaṣṣiṣ/ fāʿil*) yang menciptakan-Nya
5.	*Waḥdāniyyah*	Tidak berbilang-bilang pada zat-Nya, sifat-Nya dan perbuatan-Nya

5: Sifat Maʿānī dan Taʿalluqnya

Sifat maʿānī, jenis dan subjek taʿalluqnya secara ringkas:

Sifat Maʿani	Jenis Taʿalluq	Subjek Taʿalluq
Qudrah	Ta'thīr - Ṣalūḥī qadīm - Tanjīzī ḥadīth - Qabḍah	Semua *mumkināt* (sama ada *mawjūd* atau *maʿdūm*)
Irādah	Takhṣīṣ - Ṣalūḥī qadīm - Tanjīzī qadīm	Semua *mumkināt* (sama ada *mawjūd* atau *maʿdūm*)
Ilmu	Ihāṭah - Tanjīzī qadīm	Semua yang wajib, mustahil dan harus
Hayāh	Tiada	Tiada
Samaʿ dan Baṣar	Inkishāf - Ṣalūḥī qadīm - Tanjīzī qadīm - Tanjīzī ḥadīth	Semua yang wujud
Kalām	Dilālah dan Ifhām - Ṣalūḥī qadīm - Tanjīzī qadīm - Tanjīzī ḥadīth	Semua yang wajib, mustahil dan harus

Ṣalūḥī qadīm: Boleh sejak azali. *Tanjīzī qadīm*: Tunai sejak azali. *Tanjīzī ḥadīth*: Tunai pada makhluk.

6: 10 Perkara Yang Perlu Dinafikan

Berdasarkan huraian Imam al-Sanūsī bagi kemustahilan *al-mumāthalah li al-ḥawādith* bagi Allah, maka kita dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat sepuluh (10) perkara yang wajib dinafikan bagi zat Allah berdasarkan sifat-Nya *mukhālafatuh li al-ḥawādith*, iaitu Maha Suci Allah daripada:

1. Jirim
2. *ʿAraḍ* (sesuatu yang wujudnya menumpang pada jirim)
3. Berada di suatu arah bagi jirim
4. Mempunyai arah (*jihah*)
5. Terikat dengan tempat (*makān*)
6. Terikat dengan masa (*zaman*)
7. Mempunyai sifat seperti sifat makhluk
8. Saiz kecil
9. Saiz besar
10. Mengambil manfaat atau mempunyai tujuan dari perbuatan-Nya atau hukum-Nya.

7: Sifat-sifat Berkaitan *Istighnā'* dan *Iftiqār*

<table>
<tr><th>Istighā'</th><th>Iftiqār</th></tr>
<tr><td>Allah tidak berhajat kepada sesuatu yang lain</td><td>Setiap/ segala sesuatu yang lain berhajat kepada Allah</td></tr>
<tr><td>1. Wujūd
2. Qidam
3. Baqā'
4. Mukhālafatuhu li al-ḥawādith
5. Al-Qiyām bi al-nafs
6. Samā'
7. Baṣar
8. Kalām
9. Samīʿan
10. Baṣīran
11. Mutakalliman</td><td>1. Wahdāniyyah
2. Qudrah
3. Irādah
4. Ilmu
5. Ḥayāh
6. Qadīran
7. Murīdan
8. ʿAlīman
9. Ḥayyan</td></tr>
<tr><td>12. Maha Suci dari segala kekurangan.
13. Tidak mengambil manfaat daripada hukum-Nya dan perbuatan-Nya.</td><td rowspan="2">10. Baharunya alam ini.
11. Tiada ta'thīr melainkan bagi Allah.</td></tr>
<tr><td>14. Sifat harus bagi-Nya untuk menjadikan perkara mumkin atau tidak.</td></tr>
</table>

8: 50 Simpulan Akidah (*ʿAqāʿid al-Īmān*): *ʿAqīdat al-Khamsīn*

Imam al-Marzūqī menyebut di dalam "Manẓūmah ʿAqīdat al-ʿAwwām":

وَالْـمُسْـتَحِيلُ ضِدٌّ كُلِّ وَاجِبِ	فَـاحْـفَظْ لِخَمْسِينَ بِحُكْمٍ وَاجِبِ
Dan mustahil itu adalah lawan bagi setiap yang wajib	Maka hafalkanlah bagi lima puluh (50) [asas akidah] dengan hukum yang wajib

Dan lima pulun (50) simpulan akidah (ʿ*aqā'id al-īmān*) tersebut adalah merupakan makna yang dituntut dan terkandung di dalam dua kalimah Shahādah:

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ			مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ		
Persaksian Tauhid: Mengesakan Allah pada zat-Nya, sifat-Nya dan perbuatanNya *al-Istighnā'* dan *al-Iftiqār*			Persaksian *Taṣdīq*: Membenarkan Rasulullah ﷺ pada setiap apa sahaja yang Baginda ﷺ sampaikan		
Wajib	Mustahil	Harus	Wajib	Mustahil	Harus
20	20	1	4	4	1
41			9		
50 Simpulan Akidah (ʿAqā'id al-Īmān)					

PENULIS

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memperolehi Sarjana Muda Shariah (Fiqh and Pengajian Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan dengan Kelas Pertama (*Mumtāz*) pada tahun 2001, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan pengkhususan Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2004 dan dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Program serta PhD Kewangan Islam dari INCEIF (The Global University of Islamic Finance) pada tahun 2019.

Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016.

Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah "Friends of the Police" pada Hari Polis Kebangasaan 2012 di atas sumbangan beliau di dalam bidang ini. Beliau telah dilantik sebagai sebagai Ahli Panel Deradikalisasi dan Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 oleh Kementerian Dalam Negeri. Beliau pernah memberi latihan berkenaan Deradikalisasi di Rabdan Academy (United Arab Emirates) dan dilantik sebagai salah seorang Advisory Committee bagi Global Peace Institute (Maldives) dan kini terlibat sebagai salah seorang ahli penyelidik untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Pelampau Keganasan (NAPPCVE).

Dalam pembinaan polisi dan kertas kerja hukum, beliau pernah telibat sebagai salah seorang panel kepakaran bagi pembinaan Standard MQA bagi Program Muamalat dan Kewangan Islam (2012), Manual Pengurusan Wang Khairat JAWHAR (2014), AJK (Kluster Ekonomi) Pembangunan Dasar Dakwah Negara (2014), Kertas Kerja Hukum Berkaitan Isu-isu Syariah Madinah Mawaddah Wakaf City (2020) dan Kertas Kerja Hukum Penjanaan dan Pelaburan Dana Masjid (2021). Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan penyelidik IMARAH (USIM) yang telah membangunkan satu sistem pengurusan kewangan masjid dan surau yang dinamakan sebagai

Sistem e-MIMAS™. Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan kerja penggubal bagi Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 3, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Bidang kajian beliau merangkumi Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Tadbir Urus Syariah, Wakaf Korporat, Kewangan Masjid, Ahli Sunnah dan Jama'ah, Deradikalisasis dan PCVE (Preventing and Countering Violent Extremism). Di antara kursus-kursus di peringkat siswazah yang pernah dikendalikan oleh beliau ialah ialah Fiqh Muamalat I, Fiqh Muamalat II, Pengurusan Haji dan Umrah, Pengurusan Institusi Perbankan Islam dan Takaful, Pasaran Wang dan Modal, Halaqah (Pengantar Kitab Turath), Usul Fiqh dan Kewangan Islam. Manakala di peringkat siswazah, beliau pernah mengendalikan kursus Qawa'id Fiqhiyyah, Aplikasi Fiqh Muamalat serta Halal dan Haram di dalam Islam.

Beliau juga meminati pengajian ilmu turath dan sering menghadiri majlis-majlis talaqqi ilmu dan pengajian turath berkitab bersama para *mashāyikh*, termasuk dalam bidang pengajian ilmu hadith riwāyah dan dirāyah. Beliau telah menghasilkan sekitar 30 buah buku. Di antara buku-buku beliau di dalam bidang akidah ialah:

1. Aqīdah Murshidah dan Beberapa Muqaddimah Aqīdah (2020)

2. Matan Ummu al-Barahin dan Pengenalan Ahli Sunnah dan Jama'ah (2022)



Kitab ini merupakan terjemahan bagi matan akidah Ahli Sunnah dan Jama'ah (ASWJ) yang sangat terkenal iaitu Matan Ummu al-Barāhīn atau al-'Aqīdah al-Sughrā oleh al-Imām Muhammad bin Yūsuf al-Sanūsi (w.895H). Matan ini telah tersebar luas dari bumi Maghribi ke seluruh negara Islam sehingga ke hari ini. Bahkan, matan ini mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas pengajian dan penulisan ilmu akidah ASWJ di dalam dunia melayu dan nusantara. Matan ini merupakan penerangan bagi intipati akidah ketuhanan dan kenabian yang perlu difahami oleh setiap muslim dalam menghayati dan memahami dua kalimah syahadah. Bagi menambah manfaat kitab terjemahan ini, penulis telah menambah sedikit pengenalan berkenaan Ahli Sunnah dan Jamaah. Semoga buku ini memberi manfaat yang sebaik-baiknya kepada para pembaca. Āmīn.

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016. Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah "Friends of the Police" pada Hari Polis Kebangasaan 2012.

WISDOM
PUBLICATION